

Institusi Wazir, Ceteria dan Menteri pada Abad ke-19: Struktur dan Kuasa Elite dalam Pentadbiran di Kesultanan Melayu Brunei

ABSTRACT

This article discusses the formation of the major governing institutions such as Wazir, Ceteria and Manteri of Brunei in 19th century. Such institutions, in fact, manifested the long established governing practices. The appointment of Wazir and Ceteria required strict criteria, including a close relationship to the core nobility or even the Sultan's kin. However, a Manteri was normally appointed from among the non-nobility (meaning: not Pengiran), who achieved excellence in charisma, leadership and/or influence in society. The Wazir consisted of Pengiran Bendahara, Pengiran Pemanca, Pengiran Digadong, and Pengiran Temenggung. Each of these governing institutions was granted elite roles and power under the paramount leadership of the Sultan. Their power, however, was confined to the status granted to them respectively. Their roles were not limited to political affairs, but also to economy, social development, people's welfare, religion and state customs. The formation of the elite institutions of Wazir, Ceteria and Manteri under the authority of the Sultan had the impact on the social stratification of the ruling class on the one hand, and the ruled on the other, comprising the ordinary members of the population in 19th century. This governing structure had been designed in such a way that succeeded in uplifting the aura of the Brunei Malay Sultanate as well as buttressing the Sultanate family which prevail in the Malay world.

Key words: institution of Wazir, Ceteria and Menteri, its positions and roles in the Brunei Malay Sultanate.



Dr. Haji Awg Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam). Beliau dilahirkan di Limbang, Sarawak, pada 24hb Disember 1955. Menamatkan pengajian Sarjana Muda (B.A.Hons.) dari Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1989; berkelulusan Sarjana (M.A.) dari universiti yang sama pada tahun 1996; dan berkelulusan program Doktor (Ph.D.) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, pada tahun 2004, dengan menulis disertasi tentang "Kesultanan Brunei Abad ke-19: Sistem Politik dan Struktur Pentadbiran". Beliau menulis beberapa buku, diantaranya adalah *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985* (Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah Brunei, 2006). Untuk kepentingan akademis, beliau dapat dihubungi dengan alamat e-mail: asbolm@fass.ubd.edu.bn

PENGENALAN

Brunei merupakan salah sebuah Kesultanan Melayu yang sudah lama wujud dan telah direkodkan dalam sejarah sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai pengaruh politik yang besar di rantau sebelah utara Pulau Borneo dan Kepulauan Filipina. Ia juga dikatakan memainkan peranan penting dalam menyebarkan dakwah Islamiah di kawasan ini. Pembicaraan makalah ini akan menumpukan kepada struktur dan kuasa elite institusi Wazir, Ceteria dan Menteri dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19. Struktur dan kuasa elite mereka akan dihuraikan khusus dalam bidang pentadbiran kerajaan pusat dan wilayah di bawah kekuasaan Brunei, undang-undang, ekonomi dan hubungan diplomatik Brunei.

Kendatipun kuasa tertinggi pemerintahan berada di tangan Sultan tetapi dari segi praktiknya, baginda tidak dikehendaki menjalankan pentadbiran secara langsung dan bersifat holistik. Dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei, salah satu kuasa penting dan besar Sultan ialah melantik dan pada lazimnya terus mengurniakan gelaran kepada pembesar-pembesar negara yang terdiri dari 3 institusi dalam struktur pentadbiran negara, iaitu Wazir, Ceteria dan Menteri. Mereka inilah yang membantu Sultan mentadbir daerah-daerah kekuasaan Brunei yang boleh dibahagikan kepada 2 peringkat pentadbiran, iaitu kerajaan pusat dan wilayah.

Struktur pentadbiran seperti ini bukannya baru, malah ia telah pun wujud sebelum abad ke-19 lagi. Struktur ini terus digunakan dalam kurun ke-19. Di peringkat pentadbiran kerajaan pusat, Sultan dibantu oleh Wazir, Ceteria dan Menteri (Leyden, 1816-1817:2; Mills, 1960:283; Leys, 1968:121-124; dan Tarling, 1971:4).¹ Manakala pentadbiran di peringkat wilayah diagih-agihkan kepada Ceteria, Pengiran, Menteri, Syarif dan seterusnya ketua-ketua kampung dan suku-suku kaum. Perlantikan ke atas pembesar-pembesar Brunei ini mempunyai prosedur dan syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan menurut adapt-istiadat Kesultanan Melayu Brunei yang telah diwarisi sejak zaman berzaman. Antara syarat yang penting ialah orang yang bakal memegang jawatan Wazir biasanya terdiri dari kerabat diraja terdekat atau golongan Raja-raja *Betaras*,² lazimnya di kalangan adik beradik Sultan yang tiada harapan untuk

¹Sila lihat juga "James Brooke to Mr Wise, Sarawak 13 August 1846" dalam *F.O.*, 12/5; dan "Captain Rodney Mundy, 21 January 1847" dalam *F.O.*, 12/5.

²*Bertaras* ialah perkataan Melayu Brunei sama juga ertinya dalam Bahasa Malaysia sebagai *berteras*. Perkataan ini jika dirujuk kepada sebatang kayu, maka *teras* itu adalah

menaiki takhta, sama ada putera gahara atau sebaliknya, ipar, menantu, anak kemanakan atau bapa saudara Sultan.

Perkara yang sama juga berlaku ke atas perlantikan kumpulan Ceteria (P.M. Yusuf, 1958:44; dan McArthur, 1987:103). Disebabkan lantikan ini begitu terikat dengan syarat keluarga terdekat Sultan, maka calon Wazir dan Ceteria itu juga meninggalkan kesan kepada kehendak identiti bangsa dan agama. Oleh itu syarat seorang yang hendak dilantik menjadi Wazir dan Ceteria bukan sahaja di kalangan keluarga diraja Brunei bahkan mestilah terdiri dari orang Melayu Brunei dan beragama Islam. Perkara ini pernah dilaporkan bahawa Wazir-wazir Brunei pada awal abad ke-19 terdiri dari orang-orang Melayu. Sebenarnya apa yang dikatakan “orang-orang Melayu” di sini adalah golongan Melayu Brunei.³ Lantikan kumpulan Wazir yang hanya dikhaskan di kalangan keluarga Diraja Betaras bukanlah satu fenomena unik terhadap Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19 tetapi ia bersifat universal dan berlaku di kebanyakan sistem pemerintahan beraja, baik di Alam Melayu mahupun di kawasan-kawasan lain di dunia ini.

Lantikan seumpama ini adalah perlu kerana jawatan sebagai Wazir mempunyai pengaruh yang besar dalam mencorakkan sistem politik dan pemerintahan Brunei.⁴ Lagipun sebahagian jawatan ini merupakan sebagai batu loncatan kepada jawatan yang lebih tinggi, bahkan boleh menjadi Sultan jika keadaan mengizinkan, terutama yang berjawatan Pengiran Bendahara. Selain daripada itu, ianya juga bagi mengukuhkan lagi ikatan persaudaraan di kalangan kerabat

bahagian yang keras dalam batang tersebut. Jadi jika dihubungkan dengan Raja-raja *Bertaras* Brunei bermakna keluarga terdekat kepada Sultan Brunei yang terdiri dari golongan Wazir dan Ceteria. Mereka ini menggunakan gelaran *Pengiran* bagi kaum lelaki dan *Dayangku* pada kaum wanita. Menurut sumber Sepanyol, gelaran *Pengiran* ini memang sudah ada pada akhir abad ke-16. Ianya merupakan gelaran khas yang diberikan kepada keluarga diraja Brunei pada ketika itu. Ini bererti sekurang-kurangnya pada akhir kurun tersebut gelaran *Pengiran* ini sudah wujud. Bagaimanapun setakat ini belum ada kajian mendalam, sejak bilakah gelaran ini digunapakai oleh keluarga diraja Brunei dan dari mana asal usulnya. Lihat P.M Yusuf (1958:1); P.M. Yusuf (1975:44); Carroll (1982:5); dan Sabihah Osman (1985:141 dan 179).

³Lantikan Ceteria dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei di kalangan kerabat diraja tidak cuma berlaku pada abad ke-19, bahkan perkara ini terus dipraktikkan pada kurun ke-20. Dalam Bab 2 (1) Pemasyhuran Mengangkat dan Melantik Pemangku Raja 1959 memperuntukkan bahawa Ceteria hendaklah dipilih daripada kelompok kerabat diraja bertaras. Sila lihat “Borneo” dalam *Vide Asiatic Journal* 1825, C.O., 144/1; Singh (1991:61); dan Pehin Haji Mohd Jamil Al-Sufri (1996:14).

⁴Lihat “Great Britian Foreign Office General Correspondence – Under Captain Page Narrative of the Distruction of the Sultana and Capitivity Crew in Borneo Proper, 1842” dalam *F.O.*, 12/1; Sweeney ed. (1968b:72); dan Mohd Jamil (1985:14).

diraja. Memang tidak dapat dinafikan ada kalanya ia menimbulkan berbagai masalah dalam Kesultanan Melayu Brunei. Bagaimanapun kaedah ini merupakan alternatif terbaik berbanding dengan melantik Wazir dari kalangan bukan kerabat diraja yang dijangka juga menimbulkan berbagai masalah. Jika bukan kerabat diraja dilantik menjadi Wazir adalah dikhuatiri kuasa mereka ini akan mengugat kekuasaan Sultan.

Selaku Wazir sudah tentu mereka mempunyai pengaruh politik, pengikut yang ramai dan memiliki kuasa ekonomi. Sungguhpun perkara ini belum pernah berlaku dalam sejarah Kesultanan Melayu Brunei tetapi tindakan Sultan melantik kalangan kerabat baginda sebagai Wazir adalah langkah berjaga-jaga dan berhati-hati supaya perkara tersebut di atas tidak berlaku. Menerusi lantikan di kalangan keluarga terdekat Sultan ke atas jawatan Wazir diharapkan akan dapat menyatukan kembali serta menambahkan lagi keakraban antara keluarga diraja Brunei yang pernah berlaku perpecahan di kalangan mereka. Contohnya peristiwa perselisihan antara kumpulan keluarga Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828-1852) dengan keluarga Raja Muda Hashim. Pertikaian ini berlaku apabila Sultan Muhammad Alam (1826-1828) mengambil alih tampuk pemerintahan Brunei setelah kemangkatan ayahandanya Sultan Muhammad Kanzul Alam (1807-1826). Tahta ini sepatutnya diberikan kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II yang lebih berhak. Akibatnya berlaku rebutan kuasa politik pada awal abad ke-19 hingga mengorbankan Sultan Muhammad Alam, abang kepada Raja Muda Hashim (lihat "James Brooke, Memorandum, Singapore 31 March 1845" dalam *F.O.*, 12/3).

Dengan adanya lantikan ke jawatan Wazir, satu-satunya jawatan yang dianggap tinggi dalam pemerintahan Brunei, maka persengketaan dan rasa tak puas hati dijangka akan dapat dilupakan, meskipun tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dari sanubari keluarga diraja yang terlibat. Hal ini penting kerana masing-masing mempunyai pengaruh dan penyokong yang besar di kalangan keluarga sendiri, pembesar negara dan rakyat. Jika keadaan ini tidak cuba dibendung lebih awal, ia boleh merebak dan menjerumuskan Brunei ke arah kekacauan dan akhirnya peristiwa perang saudara yang berlaku dalam kurun ke-17 bukan mustahil akan berulang lagi (Sweeney, 1968b:62-64).

Bagaimanapun adakalanya ia juga tidak dapat menyelesaikan masalah yang timbul dalam keluarga diraja Brunei. Di samping itu

lantikkan di kalangan keluarga terdekat diraja Brunei juga bagi memudahkan perjalanan perundingan semasa melaksanakan pentadbiran kerajaan, kerana masing-masing sudah kenal mengenali antara satu dengan lain. Senario ini makin bertambah erat lagi apabila keluarga Sultan dan Wazir-wazir mempunyai hubungan perkahwinan dan ianya dilanjutkan lagi kepada anak-anak dan keturunan mereka berikutnya. Fenomena inilah yang lagi mengukuhkan tali persaudaraan antara Sultan dan Wazir yang diikat atas dasar perkahwinan (Pengiran Syahbandar Md Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda, 1983:102). Dalam pada itu keluarga diraja Brunei ini juga dikahwinkan dengan wakil-wakil kerajaan dalam empayar Kesultanan Melayu Brunei, mereka mengahwinkan bukan sahaja di antara keluarga berketurunan Pengiran bahkan juga di kalangan keturunan Syarif yang dipandang mempunyai kewibawaan dari segi kepimpinan dan dianggap mempunyai hubungan keturunan dengan Nabi Muhammad. Langkah-langkah seperti ini ternyata telah berjaya mengukuhkan lagi sistem politik dan pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19 sehinggalah kedatangan kuasa Barat yang datang mengugatnya.

Sementara itu lantikan golongan Menteri adalah dikhaskan untuk mereka yang bukan dari golongan Pengiran atau orang kebanyakan dari kelas menengah yang mempunyai kekayaan, pengaruh, dihormati, mempunyai pengetahuan agama dan adat istiadat tempatan. Mereka ini biasanya dilantik di kalangan pemimpin kampung atau suku kaum dan tidak semestinya beragama Islam. Merekalah yang menjadi tali penghubung antara rakyat bawahan dengan pembesar Brunei, termasuklah Sultan. Sebahagian Menteri ini juga bertugas di kerajaan pusat, terutama yang berketurunan Melayu Brunei dan beragama Islam, sementara sebahagian lagi dilantik menjadi wakil-wakil kerajaan di wilayah-wilayah kekuasaan Brunei. Mana-mana pembesar yang telah dilantik dan dikurniakan gelaran, maka dengan sendiri mereka diberikan tauliah mentadbir dan melaksanakan undang-undang dan apa jua titah perintah Sultan, sama ada di peringkat kerajaan pusat mahupun peringkat wilayah Brunei, sesuai dengan taraf gelaran dan kuasa elite mereka masing-masing. Tanpa ada lantikan rasmi daripada Sultan, maka para pembesar tidak akan mendapat pengiktirafan dan penghormatan daripada rakyat jelata (P.M. Yusuf, 1958:43-44 ; dan Mohd Jamil, 1985:8).

STRUKTUR INSTITUSI WAZIR, CETERIA DAN MENTERI

Setakat yang diketahui terdapat 5 struktur institusi Wazir, Ceteria dan Menteri yang telah dirakamkan oleh sumber-sumber tempatan. Dalam *Silsilah Raja-raja Berunai: Teks "A"* yang diedit oleh P.L. Amin Sweeney (1968a), terdapat dua catatan struktur institusi ini. Selepas ini dipanggil struktur pertama dan kedua (Sweeney ed., 1968a:14-16, 19, 21, dan 47-48). Struktur ketiga boleh dilihat pada *Silsilah Raja-raja Berunai: Teks "B"* (Sweeney ed., 1968b:72-75). Struktur keempat yang ditulis oleh P.M. Yusuf (1975:45-59), dan kelima yang telah dicatatkan semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin (lihat "The Late Sultan of Brunei to Governor Sir C. Lees, Rabiulakhir 1298 H/1881 M" dalam C.O., 144/76).

Secara umum struktur pertama mencatatkan 4 orang Wazir, 21 orang Ceteria, 38 Menteri, 17 Menteri di kawasan kekuasaan Brunei atau Menteri Darat, dan 4 orang Menteri Agama (Sweeney ed., 1968a:14-16, 19 dan 21). Struktur kedua pula mempaparkan 4 orang Wazir, 22 orang Ceteria dan 40 orang Menteri (Sweeney, 1968a:47-48). Struktur ketiga mencatatkan 4 orang Wazir, 17 orang Ceteria, 2 orang Kepala Menteri, 4 orang Menteri Empat, 5 orang Menteri Raja, 33 orang Menteri Pengalasan, dan 12 orang Menteri Agama (Sweeney ed., 1968b:72-75). Struktur keempat pula mencatatkan 4 orang Wazir, 4 orang kepala Ceteria atau Ceteria Empat, 8 orang Ceteria Besar atau Ceteria Lapan, 16 orang Ceteria Pengalasan atau Ceteria Enam Belas, 32 orang Ceteria Damit atau Ceteria Tiga Puluh Dua, 1 orang ketua segala Menteri, 2 orang kepala Menteri, 4 orang Menteri Empat, 8 orang Menteri Pengalasan Besar atau Menteri Lapan, 16 orang Menteri Pengalasan atau Menteri Enam Belas, 32 orang Menteri Pengalasan Damit atau Menteri Tiga Puluh Dua, 1 orang kepala Menteri Agama, 5 orang Menteri Agama, 3 orang Menteri Dagang khas untuk orang asing, serta 2 orang Menteri Istana dan Jawatan Bini (P.M. Yusuf, 1975:45-59). Struktur kelima pula menuliskan 4 orang Wazir, 8 orang Ceteria atau Ceteria Lapan, dan 16 orang Menteri atau Menteri Enam Belas. Bagaimanapun Menteri Enam Belas ini tidak pula disenaraikan gelarannya (lihat "The Late Sultan of Brunei to Governor Sir C. Lees, Rabiulakhir 1298 H/1881 M" dalam C.O., 144/76).

Bertolak dari kelima-lima struktur ini ternyata catatan ke atas keramaian kumpulan Wazir adalah sama yang terdiri dari Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Pemanca dan Pengiran Temenggung. Bagaimanapun yang mempunyai perbezaan agak ketara ialah dari kalangan Ceteria dan Menteri, baik dari segi

bilangan, gelaran maupun susunan. Namun begitu ia masih dilihat sebagai saling lengkap melengkapi antara satu dengan lain, kerana catatan gelaran-gelaran itu ada yang berkurang dan berlebih antara satu dengan lain. Dari perbezaan ini memberikan gambaran yang tidak semua gelaran dan jawatan Ceteria dan Menteri ini diwujudkan oleh setiap Sultan Brunei yang memerintah. Ini menunjukkan adanya kuasa Sultan dalam mengadakan dan meniadakan satu-satu gelaran, baik dalam kumpulan Ceteria mahupun Menteri. Ia bergantung kepada keperluan semasa negara. Sultan juga perlu berhati-hati memilihnya kerana orang-orang yang dikurniakan gelaran perlu betul-betul sesuai dengan tarafnya, berwibawa, berkarisma, jujur, amanah dan berpengaruh dalam masyarakatnya.

Dalam pada itu D.E. Brown (1970:111-112) pula berpendapat bahawa kekosongan setengah jawatan Ceteria dan Menteri bukan sahaja tidak diisikan oleh Sultan tetapi juga disebabkan orang-orang yang hendak dikurniakan jawatan dan gelaran menolaknya. Ini menunjukkan tidak semua orang gairah untuk mendapatkan jawatan dan gelaran dari Sultan. Sungguhpun mempunyai jawatan dan gelaran seseorang itu mempunyai keistimewaan, terutama dari segi kuasa elite, tetapi tanggungjawab yang dipikul begitu berat. Oleh itu bagi mereka yang menolak untuk diberikan jawatan dan gelaran sanggup meninggalkan kerajaan pusat dengan merantau ke kawasan lain seperti ke Sabah dan Sarawak. Dengan cara ini mereka tidak akan dikatakan derhaka kerana menolak pengurniaan Sultan. Begitu juga strukturnya bergantung kepada titah Sultan. Ini menjadikan susunannya sentiasa berubah dan tidak tetap. Bagaimanapun ia masih tidak lari dari teras pengolongan atas nama Ceteria dan Menteri.

Dalam kelima-lima struktur ini susunan paling lengkap adalah yang ditulis oleh P.M. Yusuf (1975). Catatannya bukan sahaja tersusun bahkan dimasukkan juga tanggungjawab yang dipikul setiap kumpulan Wazir, Ceteria dan Menteri dalam struktur pentadbiran Kerajaan Brunei. Namun yang menjadi persoalan di sini ialah meletakkan masa yang sesuai bagi struktur pertama hingga ketiga kerana penulisnya tidak mencatatkan zaman Sultan Brunei mana yang menggunakan struktur tersebut. Struktur kelima merupakan yang paling jelas dan telah digunakan di zaman Sultan Abdul Momin, kerana perkara ini telah dicatatkan di era pemerintahan Baginda. Struktur ini kemudian berubah ketika pemerintahan Sultan Hashim, terutama pada golongan Wazir, apabila Baginda mengosongkan jawatan Pengiran Temenggung yang dipegang oleh Baginda sebelum ini.

Jawatan Pengiran Temenggung telah ditiadakan sejak tahun 1885 hingga 1967. Apabila Pengiran Digadong Anak Muhammad Hassan meninggal dunia dalam tahun 1900, jawatan ini juga dikosongkan. Ini menjadikan tinggal dua orang Wazir di zaman Baginda, iaitu Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemanca (Brown, 1970:109; dan McArthur, 1987:26). Sementara itu struktur keempat yang ditulis oleh P.M. Yusuf (1975:45-59) kelihatannya telah pun digunakan oleh Kesultanan Brunei kurun ke-20, khususnya di zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin III (1950-1967). Bagaimanapun ia masih boleh dikatakan telah digunakan sebelum abad ke-20, khasnya pada abad ke-19, kerana penulisnya telah menggunakan sumber-sumber tradisi tempatan semasa menghasilkan struktur tersebut. Lagipun struktur ini dikatakan telah digunakan oleh Kesultanan Melayu Brunei secara turun temurun.

Oleh kerana struktur pertama hingga ketiga sulit untuk ditetapkan zaman penggunaannya, maka ianya hanya boleh diandaikan secara umum, iaitu struktur tersebut ada kemungkinan telah digunakan dari zaman pemerintahan Sultan Hassan (1582-1598) hingga pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin (1795-1804 dan 1804-1807). Ini bererti penggunaannya dari sekitar abad ke-16 hingga abad ke-19. Interpretasi ini dibuat memandangkan Sultan Hassan dalam era pemerintahan Baginda telah mengambil langkah ke arah melengkapkan struktur institusi Wazir, Ceteria dan Menteri di samping mengemaskinikan adat istiadat diraja Brunei. Struktur-struktur ini boleh dikatakan terus wujud di zaman pemerintahan Sultan Muhyiddin (1673-1690), Sultan Nasruddin (1690-1710), Sultan Kamaluddin (1710-1730 dan 1737-1740), Sultan Muhammad Alauddin (1730-1737), Sultan Omar Ali Saifuddin I (1740-1795), dan Sultan Muhammad Tajuddin kerana ia ditulis di zaman Sultan-sultan tersebut.

Sungguhpun struktur pertama hingga keempat agak sukar untuk menempatkan tarikh tepat penggunaannya pada period Sultan Brunei yang mana, tetapi ia masih boleh dirujuk dalam membincangkan struktur institusi Wazir, Ceteria dan Menteri dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19 dengan membandingkan kewujudan gelaran yang terdapat dalam laporan pengembara-pengembara Barat.⁵ Lagipun struktur ini pada lazimnya jarang

⁵Menurut Mohd Jamil (1985), Sultan Muhammad Tajudddin dikatakan naik tahta sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 1795-1804 dan 1804-1807. Hal ini berlaku kerana putera baginda, Sultan Muhammad Jamalul Alam I, telah mangkat lebih awal. Setelah Sultan

mengalami perubahan besar, bahkan ianya mempunyai sistem yang hampir sama dari masa ke semasa dengan hanya sedikit perubahan kecil yang dilakukan oleh pihak berkuasa Brunei.

MAJLIS MESYUARAT WAZIR, CETERIA DAN MENTERI

Dalam memastikan segala bentuk pentadbiran negara berjalan dengan teratur, Sultan bersama Wazir, Ceteria dan Menteri – atau jika pada zaman moden dikatakan sebagai Jemaah Menteri Kabinet – sering mengadakan majlis mesyuarat di kerajaan pusat. Dalam mesyuarat ini semua pendapat dikemukakan untuk didengar dan kemudian diputuskan secara muafakat dan kolektif. Cara ini setidaknya tidaknya menghalang Sultan daripada berbuat sesuka hati dalam mengambil keputusan yang berkaitan dengan kepentingan negara. Ini bererti kuasa pentadbiran negara tidak dimonopoli oleh Sultan seorang diri, walau bagaimanapun kuasa tertinggi dan pemutus terakhir terhadap dasar-dasar negara terletak di tangan Sultan. Lantaran cap mohor Sultan diperlukan dalam apa-apa dokumen yang telah dimesyuaratkan dan disahkan oleh ahli majlis mesyuarat.

Perundingan dan mesyuarat ini tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam pentadbiran sesebuah negara, lebih-lebih lagi Brunei sebagai sebuah kesultanan yang mempunyai empayar yang luas pada kurun ke-19. Ianya sudah tentu memerlukan satu organisasi pentadbiran yang teratur dan saling bekerjasama bagi melicinkan pemerintahan Brunei (Pengiran Syahbandar Md Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda, 1983:24 dan 64; McArthur, 1987:103; dan Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Haji Hakip, 1995:24). Tanpanya ia akan menimbulkan kekacauan yang pada akhirnya mengundang kepada kemerosotan kuasa politik dan ekonomi kerajaan.

Dalam rundingan antara Sultan dengan Wazir, Ceteria dan Menteri ini bukan sahaja mahu menyelesaikan masalah negara semata-mata tetapi tidak kurang pentingnya mencari jalan bagaimana meningkatkan kemajuan negara dari masa ke semasa. Pembangunan sesebuah negara hanya akan dapat dicapai apabila

Muhammad Tajuddin mangkat, naik takhta pula adik Baginda, Sultan Muhammad Kanzul Alam, memerintah dari tahun 1807-1826. Saran Singh (1980) pula berpendapat bahawa Sultan Muhammad Tajuddin menjadi Sultan dari tahun 1796-1807, Sultan Muhammad Jamalul Alam I dari tahun 1806-1807, dan Sultan Muhammad Kanzul Alam dari tahun 1807-1829. Lihat juga "Brooke to Wise, 14 July 1844" dalam *F.O.*, 12/2; "James Brooke, Memorandum, Singapore: 31 March 1845" dalam *F.O.*, 12/3; Belcher (1851:159); St. John (1974a:86-87); Singh (1980:45); Nicholl (1989:179); Pehin Haji Mohd Jamil Al-Sufri (1990:55-56); dan Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Haji Hakip (1995:23).

politik, ekonomi dan sosial negara berada dalam keadaan stabil. Sebagai contoh, apabila berlaku kekacauan di wilayah Padas Besar pada tahun 1881, Sultan Abdul Momin (1852-1885) telah mengadakan mesyuarat dengan Pengiran Temenggung, Pengiran Maharaja Lela dan lain-lain pembesar Brunei untuk mengatasi huruhara tersebut. Kendatipun pada awalnya pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk menghantar angkatan tentera ke Padas Besar dan Sultan Abdul Momin telah berjaya mengumpulkan sekitar 200 orang Belait dan Kayan, namun rancangan ini kemudiannya dibatalkan atas permintaan Konsul British yang berada di Labuan. Pihak Inggeris mahukan kekacauan itu diselesaikan dengan cara diplomasi, bukan dengan menggunakan kekerasan yang dijangka akan memakan korban yang banyak. Sebagai alternatifnya, Jawatan Abu Bakar telah dihantar ke tempat tersebut untuk melakukan penyiasatan siapakah sebenarnya melakukan kekacauan itu dan berapa ramai pengikutnya (Watson, 1984:118-119).

PERANAN WAZIR

1. PENGIRAN BENDAHARA

Seperti yang dijelaskan di atas bahawa institusi Wazir yang terdiri dari empat orang pembesar, iaitu Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Pemanca dan Pengiran Temanggung terdapat dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei pada kurun ke-19.⁶ Di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin, jawatan Pengiran Bendahara dipegang oleh Pengiran Badaruddin (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:107). Ketika pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, jawatan ini dipegang oleh Raja Muda Hashim. Beliau merupakan bapa saudara kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II kerana beliau adik beradik dengan bonda Sultan, iaitu Pengiran Nooralam. Apabila Raja Muda Hashim dihantar ke Sarawak Asal dalam misi menghapuskan pemberontakan yang berlaku di sana, tempat beliau telah diambil alih oleh Pengiran Yusof yang dilantik sebagai pemangku Pengiran Bendahara.

⁶Lihat "Great Britian Foreign Office General Correpondence - Under Captain Page Narrative of the Distruction of the Sultana and Capitivity Crew in Borneo Proper, 1842" dalam *F.O.*, 12/1; "James Brooke, Memorandum, Singapore: 31 March 1845" dalam *F.O.*, 12/3; "The Late Sultan of Brunei to Governor Sir C. Lees, Rabiulakhir 1298 H/1881 M" dalam *C.O.*, 144/76; Leyden (1816-1817:2); Keppel (1846:82); Mundy (1848:183); Low (1880:2); *North Borneo Herald: Official Gazette*, Vol.II, No.5 (1/11/1884:7); Mohd Raus Haji Mohd Amin (15/10/1953:8); Leys (1968:124); dan McArthur (1987:103).

Pengiran Yusof merupakan musuh kepada Raja Muda Hashim dalam pertikaian merebut pengaruh politik Kesultanan Melayu Brunei. Setelah Raja Muda Hashim meninggal dunia dalam peristiwa pembunuhan beramai-ramai ke atas keluarga beliau pada tahun 1846, maka jawatan Pengiran Bendahara diambil alih oleh Pengiran Abdul Momin. Ia merupakan kenaikan pangkat kepada beliau kerana sebelum ini beliau menyandang jawatan Pengiran Digadong. Hal ini memang selaras dengan adat perlantikan Wazir dalam Kesultanan Brunei dimana selepas jawatan Pengiran Bendahara adalah Pengiran Digadong. Pengiran Abdul Momin juga merupakan anak menantu kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II.⁷ Raja Muda Hashim dibunuh kerana peranannya melantik James Brooke sebagai wakil kerajaan Brunei di Sarawak Asal. Lantikan ini memang tidak disenangi oleh Sultan, pembesar dan rakyat Brunei yang berada di kerajaan pusat. Ada kemungkinan mereka melihat lantik Brooke sama seperti menyerahkan Sarawak Asal kepada bangsa asing.

Apabila Sultan Abdul Momin menjadi Sultan, jawatan Pengiran Bendahara dipegang oleh anak kemanakan Baginda, iaitu Pengiran Anak Muhammad atau dikenali juga sebagai Pengiran Anak Besar. Beliau adik beradik dengan Raja Muda Hashim. Beliau dikatakan telah dilahirkan pada tahun 1829. Jawatan ini terus dipegang oleh Pengiran Bendahara hingga zaman pemerintahan Sultan Hashim (1885-1906) yang juga bapa mertua beliau. Pengiran Anak Muhammad telah meninggal dunia pada 3 Julai 1917.⁸

Di antara keempat-empat orang Wazir ini, Pengiran Bendahara banyak memegang peranan dan tanggungjawab dalam politik dan pentadbiran kerajaan. Beliau merupakan penasihat utama kepada Sultan Brunei. Dari segi kedudukan, beliau mempunyai kuasa yang lebih tinggi daripada pembesar-pembesar lain yang bertaraf Wazir. Hal ini jelas apabila Pengiran Bendahara mempunyai kedudukan tertinggi dalam hierarki pemerintahan selepas Sultan, beliau merupakan orang kedua terpenting selepas Sultan.

Kedudukan Pengiran Bendahara seperti ini memang telah pun ada sejak abad ke-16 lagi (lihat "James Brooke, Memorandum,

⁷Lihat "James Brooke to Henry Wise, Sarawak: 31 August 1846" dalam *F.O.*, 12/15; "Captain Rodney Mundy, 21 January 1847" dalam *F.O.*, 12/5; "Consul General Leys to Foreign Office, Labuan: 14 December 1885" dalam *C.O.*, 144/59; "Consul General Leys to the Marquis of Salisbury, Labuan: 9 March 1887" dalam *C.O.*, 144/59; Brown (1969:148-149); dan Brown (1970:152).

⁸Ada setengah sumber mengatakan bahawa Pengiran Bendahara Anak Muhammad dan adik beradik beliau, Pengiran Digadong Anak Muhammad Hassan, bukan anak kepada

Singapore: 31/3/1845” dalam *F.O.*, 12/3; Keppel, 1846:82; Leys, 1968:124; Carroll, 1982:6; dan Blair & Robertson eds., t.t.:182). Pengiran Bendaharalah salah seorang Wazir yang selalu dibawa berunding berhubung dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan pentadbiran negara, seperti membuat keputusan politik berhubung dengan peperangan atau rundingan damai dan juga mengenai jajahan takluk Brunei. Pengiran Bendahara menyelia dan memantau hampir semua hal ehwal negara. Jika di zaman moden, kedudukan Pengiran Bendahara ini boleh dianggap sebagai jawatan Perdana Menteri. Sebagai contoh, semasa Sultan Omar Ali Saifuddin II memegang tampuk pemerintahan, kebanyakan tugas dan tanggungjawab politik dan pentadbiran negara dikendalikan oleh Pengiran Bendahara yang disandang pada masa itu oleh Raja Muda Hashim (lihat “James Brooke, Memorandum, Singapore: 31/3/1845” dalam *F.O.*, 12/3; dan P.M. Yusuf, 1975:45).

Semasa ketiadaan Sultan, atau ketika Sultan melawat keluar negeri, maka Pengiran Bendahara akan ditugaskan sebagai Pemangku Sultan untuk menjalankan pentadbiran negara (P.M. Yusuf, 1975:45). Perkara ini pernah berlaku di zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II apabila Inggeris menyerang ibu kota Brunei pada tahun 1846. Setelah angkatan Brunei tewas, Baginda telah melarikan diri dengan ditemani oleh Haji Saman, seorang pahlawan Brunei, menuju kawasan Limau Manis di hulu Sungai Brunei. Semasa ketiadaan Baginda, Pengiran Abdul Momin selaku Pengiran Bendahara pada ketika itu telah diangkat sebagai Pemangku Sultan oleh pihak Inggeris. Sebenarnya Inggeris ingin melantik terus Pengiran Abdul Momin sebagai Sultan bagi menggantikan Sultan Omar Ali Saifuddin II. Tindakan ini diambil sebagai membalas dendam atas kematian Raja Muda Hashim kerana Sultan dianggap bersubahat dalam pembunuhan ini. Pengiran Abdul Momin menolak lantikan sebagai Sultan, kerana menyedari Sultan yang berhak masih ada. Beliau kemudiannya telah menyerahkan kuasa pemerintahan Brunei kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II, sebaik-baik sahaja Baginda kembali ke istana (lihat “Rear Admiral Sir Thomas Cochrane to the

Sultan Muhammad Kanzul Alam atau adik beradik dengan Raja Muda Hashim, kerana ayah mereka bernama Pengiran Tajuddin. Ibu mereka adalah adik perempuan Sultan Abdul Momin. Kedua-dua Wazir ini juga telah menjadi anak angkat kepada Sultan Abdul Momin. Sila lihat “Grant of Territory of Sipitang – Kuala Penyu: 5 November 1884” dalam *C.O.*, 874/54; Brown (1969:148-149); Brown (1970:152); Tarling (1971:82); Pengiran Syahbandar Md Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda (1983:102); dan McArthur (1987:135 dan 203).

Secretary of the Admiralty, 9/7/1846" dalam *F.O.*, 12/4; dan "Rear Admiral Sir Thomas Cochrane to the Secretary of the Admiralty, 29/7/1846" dalam *F.O.*, 12/4).

Sementara itu menurut adat istiadat perlantikan Sultan Brunei, Pengiran Bendahara merupakan salah seorang calon yang berpotensi untuk menggantikan Sultan, andaikata Sultan yang mangkat tidak mempunyai putera gahara atau waris-waris yang layak untuk menggantikan Baginda.⁹ Peristiwa ini pernah berlaku apabila Sultan Omar Ali Saifuddin II mangkat pada 17 November 1852, Pengiran Abdul Momin sebagai Pengiran Bendahara telah diangkat menjadi Sultan Brunei yang baru, kerana Baginda dikatakan tidak mempunyai putera gahara (lihat "From Pengiran Anak Mumin to Lieutenant Goocruor Scott, 20 Safar 1269 H/2 December 1852" dalam *F.O.*, 12/14).

Salah satu kuasa yang ada pada Pengiran Bendahara ialah melucut dan melantik wakil-wakil kerajaan di wilayah Brunei. Sebagai contoh, Syarif Sahab yang dilantik oleh Raja Muda Hashim pada tahun 1832 menjadi wakil kerajaan di Sadong menggantikan Datuk Patinggi, seorang anak tempatan (Mundy, 1848a:370-375; dan Butterworth, 1851:3). Walaupun Syarif Sahab bukan tergolong sebagai Menteri di tanah jajahan atau Menteri Darat seperti Datuk Patinggi tetapi dengan lantikan beliau sebagai wakil kerajaan maka beliau termasuk sebagai salah seorang pegawai kerajaan setaraf Menteri Darat dalam pentadbiran Kesultanan Brunei. Lantikan ini dibuat kerana Syarif Sahab dilihat sebagai seorang pemimpin berwibawa dan berpengaruh, terutama ke atas masyarakat Iban di Batang Lupar.

Oleh kerana karisma kepimpinan beliau begitu menonjol hingga James Brooke menjangkakan beliau akan melakukan rampasan kuasa ke atas pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, namun jangkaan beliau ini meleset. Sebaliknya, Syarif Sahab terus memberikan kerjasama kepada kerajaan bahkan hubungan beliau dengan Sultan Brunei menjadi rapat kerana saudaranya telah berkahwin dengan salah seorang kerabat diraja Brunei. Kemudian pada tahun 1844,

⁹Lihat "Deposition of Sir James Brooke taken upon oath before the Reid Francis Thomas Mac Dougall and Arthur Crookshauk Esquire, Commissioners Appointed to take Evidence in the Petition of Arthur Farquhar Esquire, Commander of Her Majestys' Sloop albatross in the Court of Indicature of Prince of Wales, Singapore and Malacca: 25/9/1849" dalam *F.O.*, 12/10; Mohd Raus Hji Mohd Amin (15/10/1953:8); Sweeney ed. (1968b:72); dan P.M. Yusuf (1975:44).

Raja Muda Hashim melalui adik beliau, Pengiran Badaruddin, pula melantik wakil kerajaan di Lingga, iaitu Syarif Jaafar (Butterworth, 1851:370-375; Templer ed., 1853:64; Reece, 1983:10; dan Irwin, 1986:104). Bagaimanapun tidak pula diketahui, sama ada perlucutan jawatan Datuk Patinggi, perlantikan Syarif Sahab dan Syarif Jaafar ini dibuat terlebih dahulu kemudian baru dimaklumkan untuk mendapatkan pengesahan Sultan atau ia sudah mendapat titah perkenaan dari Sultan, barulah Pengiran Bendahara melakukan perkara tersebut. Bagaimanapun dari tindakan Raja Muda Hashim ini boleh dibuat andaian bahawa ada kemungkinan jajahan Lingga dan Sadong, sama ada kedua-duanya jajahan Sungai Kuripan atau Sungai Tulin kepada Raja Muda Hashim kerana pemilik wilayah tersebut, adalah mempunyai kuasa untuk melantik wakilnya seperti mana menurut undang-undang pemilik wilayah dalam Kesultanan Melayu Brunei.

Di samping memiliki keistimewaan kuasa elite dalam setruktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei, golongan Wazir dan Ceteria, termasuk Sultan, juga mempunyai kelebihan dari segi pemilikan kawasan peribadi ke atas wilayah-wilayah dalam empayar Brunei pada abad ke-19. Dipandang dari sudut kedaulatan Brunei, seluruh jajahan takluk Brunei adalah milik kepada Sultan sebagai kuasa tertinggi. Bagaimanapun Baginda mempunyai kuasa dan hak untuk mengagih-agihkan wilayah-wilayah ini kepada kaum keluarga Baginda sebagai pemiliknya. Dalam kumpulan yang menerima anugerah wilayah ini termasuklah golongan Wazir dan Ceteria.

Berasakan dari sehelai warkah Sultan Abdul Momin bahawa pembahagian wilayah ini dikenali sebagai Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin. Sungai Kerajaan merupakan wilayah yang dimiliki oleh Sultan yang sedang memerintah. Seluruh hasil wilayah ini adalah milik Sultan. Namun begitu kawasan ini tidak boleh diwariskan kepada keturunan Baginda kerana ia adalah hak kepada pengganti Baginda atau Sultan yang baru menaiki tahta.¹⁰ Sementara itu Sungai Kuripan pula adalah daerah peribadi golongan Wazir.

¹⁰Lihat "High Highness Sultan Abdul Momin of Brunei to His Excellency C.C.Leys, Governor of Labuan and Consul General for Borneo, Brunei: 2 Rabiulakhir 1298 H/3 March 1881 M" dalam *F.O.*, 12/120; "Treacher to Alfred Dent, 18/11/1881, Governor's despatch 54/1881" dalam *C.O.*, 874/228; "Consul General Leys to Earl Granville, Labuan: 5/5/1883" dalam *F.O.*, 12/29; "Consul General Leys to Foreign Office, Labuan: 14/12/1885" dalam *C.O.*, 144/59; "G. Hewett to Marquess of Lansdowne, Confidential No.4, Borneo: 10/3/1902" dalam *F.O.*, 12/120; "McArthur to Sir John Anderson, High Commissioner Confidential, No.10, 27/5/1904" dalam *F.O.*, 12/126; Leys (1968:119-121); dan Brown (1974:158).

Segala hasil Sungai Kuripan kepunyaan mereka. Seperti mana Sungai Kerajaan, para Wazir, dari undang-undang, tidak boleh mewariskan kepada anak-anak atau waris-warisan mereka kerana kawasan ini adalah hak kepada pengganti Wazir seterusnya. Ini bermakna pemilikan ke atas Sungai Kuripan berdasarkan jawatan yang dipegang oleh seseorang dalam kerajaan. Manakala itu, Sungai Tulin atau Pesaka adalah wilayah yang dimiliki oleh Sultan dan golongan Pengiran, biasanya kelompok Wazir dan Ceteria. Segala hasil kawasan Sungai Tulin adalah milik golongan tersebut di atas. Jika jajahan Sungai Kerajaan dan Kuripan tidak boleh diwariskan kepada keturunan pemilikannya, tetapi perkara ini sebaliknya bagi wilayah Sungai Tulin di mana ia boleh diwariskan kepada keturunan mereka kemudiannya. Dalam pada itu penduduk yang mendiami dalam kawasan Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin dianggap sebagai Hamba Kerajaan, Hamba Kuripan dan Hamba Tulin.¹¹

Kuasa perlantikan wakil kerajaan di daerah-daerah kekuasaan Brunei oleh Pengiran Bendahara tidak hanya terhad ke atas anak-anak tempatan, tetapi juga berlaku ke atas orang luar. Hal ini jelas apabila Raja Muda Hashim telah melantik James Brooke sebagai wakil Kerajaan Brunei di Sarawak Asal pada 25 September 1841 (Keppel, 1846:252; dan Pengiran Syahbandar Md Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda, 1983:98). Perlantikan ini dibuat sebagai memenuhi janji Raja Muda Hashim, apabila James Brooke membantu beliau menamatkan pemberontakan Sarawak Asal. Dengan perlantikan ini maka jawatan Pengiran Indera Mahkota Muhammad Salleh yang kemudian bergelar Pengiran Syahbandar sebagai wakil kerajaan di kawasan ini telah dilucutkan. Namun lantikan ini masih diragukan oleh James Brooke tentang kesahihannya kerana ia hanya dibuat oleh Raja Muda Hashim, sedangkan perkara ini perlu dirujuk kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II selaku kuasa tertinggi Kerajaan Brunei. Tetapi menurut James Brooke, perkara ini boleh diatasi kerana tiga hal. *Pertama*, Raja Muda Hashim mendakwa beliau mempunyai

¹¹Lihat "High Highness Sultan Abdul Momin of Brunei to His Excellency C.C. Leys, Governor of Labuan and Consul General for Borneo, Brunei: 2 Rabiulakhir 1298 H/3 March 1881 M" dalam F.O., 12/120; "Treacher to Alfred Dent, 18/11/1881, Governor's despatch 54/1881" dalam C.O., 874/228; "Consul General Leys to Earl Granville, Labuan: 5/5/1883" dalam F.O., 12/29; "Consul General Leys to Foreign Office, Labuan: 14/12/1885" dalam C.O., 144/59; "G. Hewett to Marquess of Lansdowne, Confidential No.4, Borneo: 10/3/1902" dalam F.O., 12/120; "McArthur to Sir John Anderson, High Commissioner Confidential, No.10, 27/5/1904" dalam F.O., 12/126; Leys (1968:119-121); dan Brown (1974:158).

hubungan yang baik dengan Sultan. *Kedua*, ia mempunyai cap mohor daripada Sultan yang membenarkan penyerahan negeri di bawah kekuasaan Brunei. *Ketiga*, segala pentadbiran kerajaan berada di tangan Raja Muda Hashim. Oleh itu adalah tidak sulit untuk mendapatkan tanda tangan tambahan dari Sultan bagi mengesahkan penyerahan pentadbiran Sarawak Asal kepada James Brooke (Brooke, 1842 dalam *F.O.*, 12/1). Hampir setahun kemudian, apa yang dijangkakan oleh James Brooke ini telah menjadi kenyataan apabila lantikan beliau sebagai wakil kerajaan telah menjadi kenyataan setelah disahkan oleh Sultan pada 1 Ogos 1842 (Pengiran Syahbandar Md Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda, 1983:98-101).

Kuasa pentadbiran Pengiran Bendahara tidak cuma terbatas di peringkat kerajaan pusat bahkan juga berlaku ke atas daerah-daerah di bawah kekuasaan Kesultanan Melayu Brunei. Ia terjadi apabila Pengiran Bendahara diperintahkan oleh Sultan untuk menyelesaikan masalah pemberontakan. Sebagai contoh tatkala tercetus pemberontakan di Sarawak Asal sekitar tahun 1835-1836, Pengiran Indera Mahkota Muhammad Salleh, selaku wakil kerajaan di sana, tidak mampu mengatasi maka kira-kira tahun 1836, Raja Muda Hashim telah dihantar oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II ke Sarawak Asal untuk memadamkan api pemberontakan ini.¹² Apabila beliau berada di wilayah ini, maka dengan sendirinya beliau menjadi ketua tertinggi di sini. Di bawah beliau terdapat wakil kerajaan dan ketua-ketua tempatan seperti Datuk Patinggi, Datuk Temenggung dan Datuk Bandar (Brooke, 1842 dalam *F.O.*, 12/1; "James Brooke, Memorandum, Singapore: 31/3/1845" dalam *F.O.*, 12/3; Keppel, 1846:26, 28-30 dan 207; dan Mundy, 1848a:208). Perkara ini juga berlaku semasa Pengiran Abdul Momin menjadi Pengiran Bendahara, orang-orang Kayan telah melakukan kekacauan di Temburung pada tahun 1851. Pengiran Abdul Momin telah dihantar untuk mengatasi serangan puak Kayan ini. Beliau bersama angkatan Brunei telah berjaya mengalahkan orang-orang Kayan yang melakukan kekacauan ini (St. John, 1974a:87).

Pengiran Bendahara juga mempunyai kuasa dalam hubungan diplomatik di kerajaan pusat. Kuasa ini jelas ketika jawatan dipegang

¹²Anggaran kedatangan Raja Muda Hashim ke Sarawak Asal pada tahun 1836 berdasarkan laporan James Brooke yang kali kedua tiba ke wilayah ini pada Ogos 1840. Beliau ada mencatatkan perkataan setelah empat tahun berjuang, Raja Muda Hashim masih gagal menghentikan pemberontakan di Sarawak Asal. Lihat Brooke (1842 dalam *F.O.*, 12/1); "James Brooke, Memorandum, Singapore: 31/3/1845" dalam *F.O.*, 12/3; Keppel (1846:26, 28-30 dan 207); Mundy (1848a:208); dan Singh (1991:48).

oleh Raja Muda Hashim. Beliau memainkan peranan utama dalam menjalin hubungan persahabatan dengan Inggeris. Hubungan ini dibuat kerana Brunei ketika itu berkeadaan kurang mantap, baik dalam bidang ekonomi mahupun politik. Brunei memerlukan Inggeris untuk membantu menghapuskan lanun-lanun, terutama lanun Balanini dan penentang politik di jajahan Brunei yang terdiri dari kaum Iban di Saribas dan Syarif Usman di Merudu Sabah. Dalam pada itu juga Raja Muda Hashim mahu mengimbangi kekuatan Sulu dan Sepanyol di sebelah utara Brunei serta Sambas dan Belanda yang telah bertapak di bahagian selatan.¹³

Dalam abad ke-19, Pengiran Bendahara juga memainkan peranan sebagai ketua hakim dan agama Islam. Peranan Pengiran Bendahara dalam melaksanakan pentadbiran undang-undang dalam Kesultanan Brunei juga tercatat dalam *Hukum Kanun Brunei* (Mohd Raus Haji Mohd Amin, 15/10/1953:8; Pehin Haji Mohd Jamil Al Sufri, 1973:113; P.M.Yusuf, 1975:45; dan Siti Zaliha Abu Salim, 1992:462). Dalam melaksanakan tugas, Pengiran Bendahara dibantu oleh 8 orang Ceteria dan 8 orang Menteri (Mohd Raus Haji Mohd Amin, 15/10/1953:8; Sweeney ed., 1968a:16; P.M. Yusuf, 1975:53; "Consul General Leys to Marquis of Salisbury, Labuan: 9/3/1887" dalam *F.O.*, 572/18; Keppel, 1846:82; dan Tarling, 1971:35). Bagaimanapun peranan beliau dalam hal ehwal Islam setakat ini belum begitu jelas, lantaran sumber-sumber yang memperkatakan dengan lebih tuntas belum ditemui oleh para pengkaji.

2. PENGIRAN DIGADONG

Wazir kedua tertinggi dalam pemerintahan Brunei dalam kurun ke-19 ialah Pengiran Digadong. Zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin, jawatan Pengiran Digadong dipegang oleh Pengiran Digadong Muhammad Kanzul Alam. Semasa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, jawatan ini dipegang oleh Pengiran Abdul Momin (lihat "Consul General Leys to Marquis of Salisbury, Labuan: 9/3/1887" dalam *F.O.*, 572/18; Keppel, 1846:82; Mohd Raus Haji Mohd Amin, 10/9/1955:4; dan Tarling, 1971:35). Ketika pemerintahan Sultan Abdul Momin dan Sultan Hashim, jawatan

¹³Lihat "James Brooke to Wise, Labuan: 31/10/1844" dalam *F.O.*, 12/2; "Edward Belcher, the Letter Sultan of Borneo to Her Majesty the Queen, 10/11/1844" dalam *F.O.*, 12/3; "Sultan Omar Ali Saifuddin II and Pengiran Muda Hashim to James Brooke, Brunei: 6/3/1845" dalam *F.O.*, 12/3; "James Brooke, Memorandum, Singapore: 31/3/1845" dalam *F.O.*, 12/3; Mundy (1848b:17-18); Brooke (1853 dalam *F.O.*, 12/13); dan Saunders (1994 :73).

Pengiran Digadong disandang oleh anak kemanakan Sultan Abdul Momin, iaitu Pengiran Anak Muhammad Hassan. Biasanya orang yang menyandang jawatan ini akan dinaikkan ke jawatan Pengiran Bendahara andaikata tidak terdapat pengganti jawatan Pengiran Bendahara yang bersesuaian. Hal ini pernah terjadi dalam era pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, apabila Raja Muda Hashim meninggal dunia, tempat beliau sebagai Pengiran Bendahara telah diganti oleh Pengiran Abdul Momin yang sebelum ini bergelar Pengiran Digadong (lihat "From Pengiran Anak Mumin to Lieutenant Goochruor Scott, 20 Safar 1269 H/2 December 1852 M" dalam *F.O.*, 12/14), seperti yang diterangkan di atas.

Tugas utama beliau ialah menjaga dan menyelia sumber kewangan dan hasil mahsul negara yang diperolehi daripada pungutan cukai. Beliau dibantu oleh 8 orang Ceteria dan Menteri-menteri yang terdiri dari kedua-dua Orang Kaya Digadong, Pengiran Syahbandar, Bendahari Dagang dan Penyurat Dagang. Tugas Pengiran Digadong seperti ini ternyata tidak pernah berubah sejak abad ke-16 lagi dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei (Keppel, 1846:82-83; Mohd Raus Haji Mohd Amin, 22/10/1953:8; Sweeney ed., 1968a:17 dan 24; Sweeney ed., 1968b:72; Leys, 1968:124; P.M. Yusuf, 1975:45; Carroll, 1982:6; McArthur, 1987:104; dan *North Borneo Herald: Official Gazette*, 1/11/1884:7).

Oleh kerana tugas Pengiran Digadong berkaitan dengan pentadbiran pungutan cukai di wilayah Brunei, maka dalam melaksanakan tugas ini beliau telah dibantu oleh Menteri-menteri Darat yang terdiri dari Menteri-menteri Kedayan, Tutong, Sarawak, Kalaka, Saribas, Sabangan dan Sadong (Sweeney ed., 1968b:72). Menurut M.S.H. McArthur (1987:104), Pengiran Digadong juga bertanggungjawab mengawal masyarakat Kedayan dan Bisaya. Hal ini juga berkaitan dengan kutipan cukai, justeru kedua-dua kaum ini merupakan golongan petani yang banyak mengeluarkan hasil pertanian, terutama beras yang menjadi bahan makanan penting penduduk Brunei. Pengiran Digadong juga bertugas untuk mengawal stor ubat-ubatan, peralatan senjata seperti meriam dan pelurunya (Mohd Raus Hji Mohd Amin, 15/10/1953:8 dan 37; Sweeney ed., 1968a:17; Sweeney ed., 1968b; "James Brooke, Memorandum, Singapore: 31/3/1845" dalam *F.O.*, 12/3; Low, 1880:30; dan Mundy, 1848a:20-21 dan 183).

Sungguhpun Pengiran Digadong dianggap kurang mempunyai peluang untuk menggantikan Sultan, berbanding dengan Pengiran

Bendahara, tetapi dalam tinta sejarah Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19 terdapat juga orang-orang yang menyandang jawatan Pengiran Digadong dilantik sebagai pemegang tampuk pemerintahan. Sebagai contoh, Pengiran Digadong Muhammad Kanzul Alam telah dilantik menjadi Sultan Brunei menggantikan abangnya, Sultan Muhammad Tajuddin, dalam tahun 1807. Ianya berlaku kerana pada ketika Sultan Omar Ali Saifuddin II sebagai pewaris takhta kerajaan yang lebih berhak masih kecil (lihat "James Brooke, Memorandum, Singapore: 31/3/1845" dalam *F.O.*, 12/3; Mundy, 1848a:20-21 dan 183; dan Low, 1880:30). Begitu juga Pengiran Digadong Abdul Momin, beliau pada akhirnya telah dilantik menjadi Sultan bagi menggantikan Sultan Omar Ali Saifuddin II yang telah mangkat.

3. PENGIRAN PEMANCA

Wazir ketiga ialah Pengiran Pemanca yang bertanggungjawab selaku pengerusi dalam apa-apa juga permesyuaratan pembesar-pembesar Brunei. Beliaulah yang mengatur jadual permesyuaratan. Beliau juga sebagai ketua tertinggi dalam pentadbiran hal ehwal dalam negeri dan adat istiadat, resam dan kanun Negara Brunei. Terdapat 8 orang Ceteria dan 8 orang Menteri yang membantu tugas-tugas Pengiran Pemanca (Keppel, 1846:82-83; Mundy, 1848a:83; Mohd Raus Haji Mohd Amin, 15/10/1953:8; Sweeney ed., 1968a:17; Sweeney ed., 1968b:72; Leys, 1968:124; dan P.M. Yusuf, 1975:45). Di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin dan Sultan Muhammad Kanzul Alam, jawatan ini dipegang oleh Pengiran Muhammad Daud. Menurut sumber tradisi Brunei, beliau merupakan seorang pahlawan yang gagah dan mempunyai ilmu yang mampu menjinak binatang liar seperti harimau.

Ternyata untuk memegang jawatan Wazir seperti Pengiran Pemanca bukan saja memiliki ciri karisma dalam kepimpinan, tetapi juga menguasai ilmu kebatinan dan ilmu mempertahankan diri. Ketika pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, gelaran ini pula dipegang oleh Pengiran Kerma Indera. Di zaman pemerintahan Sultan Abdul Momin, jawatan Pengiran Pemanca disandang oleh Pengiran Muhammad Salleh, adik beradik Sultan Hashim (lihat "Consul General Leys to Marquis of Salisbury, Labuan: 9/3/1887" dalam *F.O.*, 572/18; Keppel, 1846:82; Mohd Raus Haji Mohd Amin, 10/9/1955:4; Tarling, 1971:35; dan Dzulfawati Haji Hassan, 1998:107). Berbanding dengan peranan pembesar-pembesar lain, seperti Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Temenggung dan Pengiran

Syahbandar, peranan Pengiran Pemanca boleh dikatakan kurang menonjol. Sumber-sumber tempatan dan luar tidak banyak memperkatakan tentang kegiatan beliau, oleh itu maklumat tentang peranan beliau tidak banyak. Hal ini berlaku ada kemungkinan peranan beliau lebih tertumpu di bahagian dalaman, iaitu di sekitar istana Sultan. Sedangkan orang-orang seperti Pengiran Temenggung dan Pengiran Syahbandar, aktiviti dan peranan mereka lebih bersifat luaran dan terdedah kepada penglihatan pengembara luar, sebab itulah peranan mereka ada tercatat dalam sumber-sumber luar negeri.

4. PENGIRAN TEMENGGUNG

Pengiran Temenggung merupakan Wazir keempat dalam susunan Wazir-wazir Brunei. Pengiran Temenggung bertanggungjawab mengepalai angkatan bersenjata di kawasan laut. Sebab itu beliau juga terkenal sebagai raja di laut. Sekiranya serangan hendak dibuat ke atas pihak musuh, Pengiran Temenggung bertugas untuk menyediakan angkatan perang dengan mengarahkan rakyat untuk menyertai angkatan Brunei bagi melancarkan serangan tersebut. Tugas Pengiran Temenggung selaku ketua angkatan tentera pernah dilaksanakan oleh Pengiran Temenggung Abdul Raub Ibni Pengiran Syahbandar Abdul Wahab. Beliau adik-beradik dengan Sultan Abdul Momin. Apabila beliau diperintahkan oleh Sultan Muhammad Tajuddin untuk memadamkan api pemberontakan yang dicetuskan oleh masyarakat Melanau di Rejang dan Mukah di wilayah Sarawak. Pemberontakan ini berlaku ekoran dari tindakan kerajaan mengenakan cukai yang tinggi ke atas penduduk di kawasan ini, menyebabkan mereka merasa tidak puas hati. Pengiran Temenggung akhirnya berjaya mengatasi pemberontakan ini dan jajahan Rejang dan Mukah dapat dikekalkan sebagai kawasan di bawah kuasa Brunei (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:106).

Peranan seperti ini juga pernah dilakukan oleh Pengiran Temenggung Hashim dalam tahun 1858 apabila beliau telah mengarahkan penduduk Kampong Pengkalan Tarap di jajahan Limbang untuk menyertai angkatan Brunei bagi menentang orang-orang Kayan. Seramai 200 orang penduduk telah dapat dikumpulkan (St. John, 1974b:29). Beliau juga, dengan dibantu oleh Datuk Laksamana Tarif, telah mengambil tindakan untuk menghapuskan pemberontakan yang telah dilakukan oleh penduduk Murut dan Bisaya di jajahan Limbang pada tahun 1884 (Keppel, 1846:82-83; *North Borneo Herald: Official Gazette*, 1/11/1884:7; Mundy, 1848a:82;

"Treachery to Foreign Office, 17/1/1885" dalam C.O., 144/59; Mohd Raus Haji Mohd Amin, 22/10/1953:8; Sweeney ed., 1968a:16 dan 24; Sweeney ed., 1968b:72-73; P.M. Yusuf, 1975 :45; dan McArthur, 1987:104).

Pengiran Temenggung juga terlibat dalam mengawasi kegiatan perdagangan di wilayah Kesultanan Melayu Brunei. Dalam sektor ini beliau dibantu oleh Pengiran Syahbandar. Sementara itu di wilayah kekuasaan Brunei, beliau dibantu oleh ketua-ketua tempatan, khususnya yang tinggal di kawasan-kawasan strategi terutama di kuala-kuala sungai (*North Borneo Herald: Official Gazette*, 1/11/1884:7; Mohd Raus Haji Mohd Amin, 22/10/1953:8; Sweeney ed., 1968a:16 dan 24; Sweeney ed., 1968b:72-73; dan P.M. Yusuf, 1975:45). Pengiran Temenggung juga memainkan peranan untuk melaksanakan undang-undang seperti yang diperintahkan oleh Sultan. Peranan beliau dalam bidang ini ada terakam dalam *Hukum Kanun Brunei* (Pehin Haji Mohd Jamil Al Sufri, 1973:113; dan Siti Zaliha Abu Salim, 1992:462). Beliau berkuasa untuk menangkap orang-orang yang melakukan kesalahan dan seterusnya menjatuhkan hukuman ke atas mereka (Mohd Raus Haji Mohd Amin, 22/10/1953:8; Leys, 1968:124; dan P.M. Yusuf, 1975:45).

Pengiran Temenggung juga mempunyai tanggungjawab dalam pentadbiran agama Islam. Dalam hal ini beliau dibantu juga oleh Menteri-menteri Agama yang terdiri dari Datuk Imam, Siraja Khatib, Udana Khatib, segala Khatib dan Mudim. Beliau juga berperanan dalam mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat dalam Kesultanan Melayu Brunei. Dalam hal ini beliau sekali lagi dibantu oleh Pengiran Syahbandar, khususnya tugas-tugas untuk menangani kebajikan anak-anak yatim dan orang-orang yang tertindas. Ini menunjukkan bahawa dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei pada abad ke-19 juga mengambil berat ke atas kebajikan rakyat bawahan yang kurang berkemampuan dari segi material dan moral (Mohd Raus Haji Mohd Amin, 22/10/1953:8; Sweeney ed., 1968a:16; Sweeney ed., 1968b:72-73; Pehin Haji Mohd Jamil Al Sufri, 1973:113; dan Siti Zaliha Abu Salim, 1992:462).

Dalam melaksanakan tugas-tugasnya, Pengiran Temenggung telah dibantu oleh 8 orang Ceteria dan 8 orang Menteri. Di antaranya menteri-menteri itu ialah Orang Kaya Syahbandar, Orang Kaya Setia Pahlawan, Orang Kaya Amar Pahlawan, Orang Kaya Johan Pahlawan, Orang Kaya Hamzah Pahlawan, Pateh dan Damong menunjukkan bahawa dalam pemerintahan Brunei pada abad ke-

19 juga mengambil berat ke atas kebajikan rakyat bawahan yang kurang berkemampuan (*Ibid.*). Di zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, jawatan Pengiran Temenggung dipegang oleh Pengiran Tajuddin (lihat "Consul General Leys to Marquis of Salisbury, Labuan: 9/3/1887" dalam *F.O.*, 572/18; Keppel, 1846:82; dan Tarling, 1971:35).

Dalam rakaman sejarah Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19 memang terdapat orang berjawatan Pengiran Temenggung dilantik menjadi Sultan. Peristiwa ini berlaku apabila Pengiran Temenggung Hashim telah dilantik menjadi Sultan setelah Sultan Abdul Momin mangkat. Berkebetulan pula Baginda memang tidak mempunyai putera gahara untuk menggantikan sebagai Sultan yang baru. Lantikan ke atas Sultan Hashim kelihatannya tidak menurut sistem pelantikan Sultan Brunei seperti mana yang biasanya diamalkan sebelum ini, kerana Pengiran Bendahara yang sepatutnya diangkat memegang tahta kerajaan justeru beliau masih hidup. Bagaimanapun ada kemungkinan pertabalan Sultan Hashim ini bukan dinilai pada kedudukan jawatannya sebagai Pengiran Temenggung, tetapi kedudukannya sebagai putera kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II.

PERANAN CETERIA

Dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei kurun ke-19, di bawah Wazir terdapat pula golongan Ceteria dan Menteri. Sebagaimana jawatan Wazir, maka jawatan Ceteria juga hanya layak dipegang dari kalangan kerabat diraja Brunei yang terdiri daripada Pengiran-pengiran yang berketurunan Melayu Brunei dan beragama Islam, seperti yang dijelaskan di atas. Peranan Ceteria dalam pentadbiran Kerajaan Brunei terbahagi kepada dua, iaitu sebahagiannya bertugas di peringkat kerajaan pusat dan sebahagian lagi bertugas di peringkat wilayah. Di peringkat kerajaan pusat, mereka inilah yang memberikan bantuan dalam pentadbiran negara yang dipertanggungjawabkan kepada para Wazir. Manakala itu di peringkat wilayah, mereka biasanya dilantik sebagai wakil kerajaan (Singh, 1991:61; dan Pehin Haji Mohd Jamil Al Sufri, 1996:14).

Ceteria Empat merupakan jawatan paling tinggi dalam kumpulan ini kerana ia mempunyai kedudukan selepas para Wazir. Dalam ertikata yang lain semakin kecil bilangan Ceteria, maka semakin tinggi statusnya berbanding dengan Ceteria yang mempunyai ramai bilangan. Namun begitu di zaman pemerintahan Sultan Abdul Momin, hanya terdapat Ceteria Lapan yang terdiri daripada Pengiran

Syahbandar, Pengiran Paduka Tuan, Pengiran Maharaja Dinda, Pengiran Suma Negara, Pengiran Kromar Indra (sebenarnya Pengiran Kerma Indera), Pengiran Siraja Muda, Pengiran Suta Negara dan Pengiran Derma Putra (lihat "The Late Sultan of Brunei to Governor Sir C. Lees, Rabiulakhir 1298 H/1881 M" dalam C.O., 144/76). Pengurangan bilangan golongan Ceteria dalam pentadbiran negara ini ada kemungkinan mempunyai hubungan dengan suasana politik dan ekonomi Kesultanan Melayu Brunei ketika itu yang semakin kurang mantap. Wilayah penguasaannya sudah berkurangan ekoran kerakusan kuasa Barat menguasai jajahan Brunei sebuah demi sebuah, baik di kawasan Sarawak mahupun di Sabah.

Di antara golongan Ceteria yang dianggap penting dalam struktur pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19 ialah Pengiran Syahbandar, Pengiran Maharaja Lela, Pengiran Paduka Tuan dan Pengiran Maharaja Adinda. Mereka ini digolongkan sebagai Kepala Ceteria. Seperti yang diterangkan di atas, Pengiran Syahbandar merupakan orang kanan kepada Pengiran Temenggung. Sebahagian daripada tugas Pengiran Temenggung telah diagihkan kepada beliau (Sweeney ed., 1968a:16; Sweeney ed., 1968b:72; P.M. Yusuf, 1975:47 ; dan McArthur, 1987:104). Pengiran Syahbandar juga mempunyai tanggungjawab untuk mengawasi Menteri-menteri di daerah-daerah kekuasaan Brunei, terutama ke atas Orang Kaya Syahbandar, Orang Kaya Laksamana dan ketua-ketua tempatan lain yang membuat penempatan di kuala-kuala sungai. Mereka ini biasanya ketua-ketua puak, ketua kampung dan wakil-wakil kerajaan yang biasanya mendiami kawasan-kawasan kuala sungai. Penguasaan ke atas mereka mempunyai kaitan dengan kegiatan perdagangan dan pungutan cukai di wilayah penguasaan Brunei (Sweeney ed., 1968a:16; dan Sweeney ed., 1968b:72).

Tugas-tugas lain Kepala Ceteria ialah menjadi ketua tertinggi dalam mengawal keamanan dan ketenteraman negara. Tanggungjawab dalam perkara ini dipikul oleh Pengiran Maharaja Lela dan Pengiran Maharaja Adinda. Oleh kerana tugas-tugas mereka ini membabitkan keselamatan negara, maka mereka mempunyai hak dan keistimewaan untuk berhubung terus dengan Sultan tanpa lagi melalui Wazir. Dalam pada itu pula Pengiran Maharaja Lela juga mempunyai kuasa veto jika beliau merasakan sesuatu perkara yang hendak dilakukan dalam pentadbiran dan pemerintahan negara boleh mendatangkan kesan negatif. Beliau juga bersama Pengiran Paduka Tuan bertanggungjawab selaku ketua dalam pentadbiran adat

istiadat diraja Brunei. Pengiran Paduka Tuan juga mengawasi mengenai hal ehwal Agama Islam dan menjadi pegawai kanan kepada Pengiran Pemanca. Lain-lain Ceteria juga mempunyai tugas masing-masing dalam abad ke-19 dengan menjadi pembantu kepada pentadbiran yang dijalankan oleh para Wazir dan Kepala Ceteria yang tersebut di atas (P.M. Yusuf, 1975:47).

PERANAN MENTERI

Di bawah Ceteria terdapat pula jemaah Menteri dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19. Institusi Menteri dalam kesultanan ini boleh dibahagikan kepada 4 bahagian, iaitu Kepala Menteri, Menteri Kerajaan Pusat, Menteri Darat atau Menteri Tanah Jajahan, dan Menteri Dagang. Menteri kerajaan pusat pula boleh dibahagikan kepada 3, iaitu Menteri Biasa, Menteri Agama dan Hulubalang (peringkat “hulubalang” mempunyai peranan dalam bidang ketenteraan). Peranan mereka lebih tertumpu di kerajaan pusat dan mereka inilah yang memberi perkhidmatan kepada Sultan, Wazir dan Ceteria di sini. Menteri Darat pula adalah Menteri yang dilantik untuk mentadbir di kawasan-kawasan kekuasaan Brunei seperti di Sarawak dan Sabah.

Manakala Menteri Dagang ialah mereka yang dilantik di kalangan orang asing yang tinggal di Brunei seperti orang Cina dan India. Mereka ini bertanggungjawab untuk mengawasi hal ehwal dan kesejahteraan masyarakat Cina dan India yang bermastautin di Brunei. Sebagai contoh semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin, seorang pengusaha sagu bangsa Cina bernama Tan Kim Swee telah dikurniakan gelaran Datuk Temenggung. Beliau telah diarahkan oleh Charles Brooke supaya membuka kilang sagu di Pengkalan Tarap, setelah jajahan ini dirampas dari Kerajaan Brunei pada tahun 1890 (Watson, 1984:113). Begitu juga sewaktu pemerintahan Sultan Hashim, seorang ahli perniagaan Cina bernama Cheng Lan telah dikurniakan Menteri Dagang dengan gelaran Datuk Kapitan. Baginda juga sering berunding dengan beliau dalam membincangkan hal-hal negara (lihat “Acting Consul General Treacher to Earl Granville, Brunei: 19/3/1885” dalam C.O., 144/60; dan P.M. Yusuf, 1975:52-59).

1. DATUK PERDANA MENTERI

Menurut Hugh Low (1880:15), P.L. Amin Sweeney ed. (1968b:73), dan P.M. Yusuf (1975:52.) bahawa Orang Kaya Digadong adalah ketua segala Menteri. Beliau merupakan keturunan ahli

perniagaan yang berwibawa dan mempunyai pengaruh politik di kalangan masyarakat tempatan. Menjelang abad ke-17, jawatan Orang Kaya Digadong tidak lagi menjadi ketua segala Menteri tetapi telah diganti oleh Datuk Perdana Menteri. Hal ini berterusan hingga abad ke-19. Menurut P.M. Yusuf (1975:52), gelaran Pehin Datuk Perdana Menteri mula diadakan dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei ialah pada zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin I. Gelaran ini telah diberikan kepada Ali Muhammad, seorang Melayu Perak. Kerajaan mengurniakan gelaran ini kerana beliau telah banyak berjasa dan berbakti kepada Sultan. Gelaran ini baru dicipta kerana semua gelaran Menteri-menteri tertinggi telah dipenuhi.

Bagaimanapun pendapat ini kurang tepat kerana ketika Datuk Imam Yakub menulis *Kitab Risalat Al-Marhum fi Adati'l Marhum* yang terdapat dalam *Silsilah Raja-raja Berunai : Teks B*, beliau dikatakan telah memperolehi sumber daripada Datuk Perdana Menteri, di samping Sultan Muhiyiddin dan Sultan Kamaluddin (Sweeney ed., 1968b:75). Ini menunjukkan gelaran Datuk Perdana Menteri sekurang-kurangnya telah wujud di zaman pemerintahan Sultan Muhiyiddin pada abad ke-17. Dengan itu gelaran tersebut bukan bermula di zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin I, tetapi sebagai warisan daripada zaman Sultan Muhiyiddin. Datuk Perdana Menteri mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan pentadbiran negara, adat istiadat, undang-undang syara dan resam. Beliau juga berperanan sebagai hakim tertinggi dalam undang-undang Kerajaan Brunei (Sweeney ed., 1968a:39; Sweeney ed., 1968b:75; dan P.M. Yusuf, 1975:52). Bagaimanapun peranan Datuk Perdana Menteri tidaklah begitu menonjol berbanding dengan Orang Kaya Digadong.

2. ORANG KAYA DIGADONG

Menurut P.M. Yusuf (1975:52), terdapat dua gelaran ke atas Orang Kaya Digadong dalam Kesultanan Melayu Brunei, iaitu Pehin Orang Kaya Digadong Seri Nara Indera dan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila. Kedua-dua gelaran ini dikatakan telah diasaskan oleh Sultan Muhammad Ali (1660-1661). Bagaimanapun pandangan ini juga kurang tepat kerana gelaran Orang Kaya Digadong telah pun wujud pada kurun ke-16. Jawatan ini juga terus muncul dalam abad ke-19 dengan tanggungjawab mengawasi perjalanan adat istiadat, kanun dan resam. Mereka juga mengawasi kutipan cukai ke atas jajahan takluk pesisir Brunei. Selain itu mereka juga terlibat

dengan pentadbiran dalam negeri dan juga menjadi hakim ke atas kesalahan-alahan yang diketogerikan ringan yang dilakukan oleh para penjenayah. Orang Kaya Digadong ini juga menjadi pembantu kepada Pengiran Orang Kaya Digadong dalam mengendalikan perbendaharaan Sultan (Sweeney ed., 1968b:75; P.M. Yusuf, 1975:52; dan Carroll, 1982:6).

Orang Kaya Digadong adakalanya dihantar keluar negara, contoh pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Kanzul Alam, beliau telah dihantar ke Singapura pada tahun 1824 bagi mengetuai rombongan Brunei merundingkan kegiatan perdagangan dengan negeri itu. Rombongan ini dihantar sebagai respon kepada tawaran yang dibuat oleh pihak Inggeris yang baru saja membuka Singapura sebagai pusat perdagangan (Singh, 1991:47).

Orang Kaya Digadong juga dihantar oleh kerajaan untuk membantu menghapuskan pemberontakan di kawasan-kawasan bawah pentadbiran Brunei. Era pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, Orang Kaya Digadong telah dihantar ke Sarawak Asal pada bulan Ogos 1840 untuk membantu Raja Muda Hashim mengatasi pemberontakan di sana. Dengan kedatangan bantuan daripada Orang Kaya Digadong ini telah memberikan semangat baru kepada Raja Muda Hashim. Hal ini jelas pada 4 September 1840 angkatan Raja Muda Hashim, dengan bantuan daripada Orang Kaya Digadong, telah berjaya mengalahkan sekumpulan pemberontak di Sarawak Asal (Keppel, 1846:139). Semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin, Orang Kaya Digadong juga dihantar untuk menyelesaikan krisis Mukah antara Kerajaan Brunei dengan James Brooke pada tahun 1860 (Mohd Raus Haji Mohd Amin, 17/9/1955:4; dan Singh, 1991:64). Dari pembicaraan di atas jelas bahawa Orang Kaya Digadong mempunyai tanggungjawab yang besar bukan saja dalam bidang kewangan dan harta benda kerajaan bahkan juga terlibat sama dalam sektor perdagangan dan memastikan wilayah kekuasaan Brunei berada dalam keadaan aman dan bebas dari sebarang bentuk penentangan dan huruhara.

3. JAWATAN

Selain Menteri-menteri di atas, terdapat 2 orang Menteri di kerajaan pusat pada akhir abad ke-19 yang memainkan peranan dalam pentadbiran keselamatan jajahan Brunei. Mereka ialah Menteri yang bergelar Jawatan dan Penyurat Digadong. Sebagai contoh dalam tahun 1876, Jawatan Abu Bakar dan Penyurat Digadong telah

diarahkan oleh kerajaan supaya menemui Pengiran Abdul Rauf, ketua daerah Mengkabong Sabah. Tujuannya untuk mencari dan menangkap beberapa orang suku kaum Bajau yang bersengkongkol dengan Pengiran Maidin yang telah melakukan rompakan ke atas para pedagang Cina yang menjalankan kegiatan perdagangan antara Brunei dan Labuan (Watson, 1984:102 dan 105). Begitu juga dalam tahun 1881, Jawatan Abu Bakar bersama-sama 5 orang ketua-ketua Padas Besar telah diarahkan oleh Kerajaan Brunei untuk melakukan penyiasatan ke atas sekumpulan masyarakat Murut yang dikatakan melakukan kekacauan dan mengadakan gerakan menentang kerajaan.¹⁴

Selain daripada tugas-tugas di atas, jawatan ini juga bertugas untuk mengumpul cukai-cukai yang dikutip di wilayah-wilayah Brunei untuk di bawa ke kerajaan pusat. Pada tahun 1876, Jawatan Abu Bakar telah pergi ke Klias, Bondu, Kuala Lama dan Kinantongau untuk mengumpulkan hasil kutipan cukai di kawasan ini. Jawatan telah berjaya mengumpulkan kira-kira \$ 5,000.00. Sebahagian hasil cukai ini telah diserahkan kepada Sultan Abdul Momin dan sebahagian lagi kepada Pengiran Bendahara Anak Muhammad kerana kawasan-kawasan ini merupakan daerah sungai tulin mereka (Watson, 1984:112).

4. MENTERI AGAMA

Sungguhpun sumber-sumber tradisi tempatan tidak banyak memperkatakan mengenai peranan golongan Menteri Agama dalam Kesultanan Melayu Brunei pada abad ke-19, namun kemunculan mereka masih dapat dikesan melalui elemen-elemen secara tidak langsung seperti gelaran-gelaran Menteri Agama, terdapatnya unsur-unsur Islam dalam teks *Silsilah Raja-raja Berunai*, ciri gelaran, *Syair Rakis* dan surat-surat Sultan.

Menteri-menteri Agama boleh dikesan menerusi nama-nama dan gelaran-gelaran mereka, seperti Khatib Haji Abdul Latif dan Datuk Imam Aminudddin. Dari nama-nama dan gelaran ini tidak diragukan lagi kewujudan Menteri Agama dalam struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei kurun ke-19. Kalau ada *Khatib* dan *Datuk Imam* ini juga menandakan wujudnya jawatan-jawatan lain dalam

¹⁴Lima orang ketua-ketua Padas Besar itu ialah Setia Raja Canang Besar, Imam Srail, Orang Kaya Muda Nuralam, Orang Kaya Maharajalela dan Datuk Syahbandar. Lihat Watson (1984:116 dan 119).

kelompok Menteri Agama ini, seperti Datuk Seri Maharaja selaku Kepala Menteri Agama, Kadi, Mufti dan Udana Khatib (Sweeney ed., 1968a:11; Sweeney ed., 1968b:51, 70 dan 75; dan P.M. Yusuf, 1975:52 dan 57-58). Mereka inilah yang menjalankan tugas dalam kerajaan pusat dalam mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Di antara tugas mereka seperti membaca doa selamat, ciri gelaran, berzikir, bertadarus di bulan puasa, membaca khutbah Jumaat, menjalankan upacara akad nikah hingga kepada hal-hal kematian. Mereka inilah juga yang memainkan peranan dalam penyebaran agama Islam ke atas masyarakat Brunei, seperti mengajar agama dan mengaji Qur'an. Oleh kerana Menteri-menteri Agama ini terdiri dari orang-orang yang berkebolehan dan berpengetahuan tinggi dalam bidang agama, maka mereka ini mempunyai pengaruh yang besar dan dihormati dalam masyarakatnya.

Kemunculan Menteri-menteri Agama ini juga boleh dikesan apabila terdapatnya unsur-unsur Islam dalam teks Brunei tradisional. Unsur Islam paling jelas ialah penggunaan tulisan Jawi dalam manuskrip-manuskrip seperti *Silsilah Raja-raja Berunai* dan terdapatnya ayat-ayat Al-Qur'an dalam manuskrip ini, ciri gelaran dan surat-surat Sultan. Perkara seperti ini pada lazimnya hanya boleh dibuat oleh Menteri-menteri Agama. Mereka bukan sahaja berkemahiran dalam ilmu agama, lebih daripada itu mempunyai kebolehan menulis dalam huruf Jawi. Contoh paling jelas adalah *Silsilah Raja-raja Berunai* yang disalin dan ditulis oleh Khatib Haji Abdul Latif dan Datuk Imam Aminuddin, kedua-duanya adalah Menteri Agama yang hidup pada awal kurun ke-19. Lebih mengagumkan lagi ada di antara mereka ini yang pandai berbahasa Arab. Hal ini boleh dibuktikan apabila penulis dan penyalin *Silsilah Raja-raja Berunai* telah menterjemahkan nama-nama Sultan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu (Sweeney ed., 1968a:46).

Apabila wujudnya kumpulan Menteri Agama sudah tentu berkait rapat dengan kemunculan masjid, surau dan balai ibadat. Terbinanya rumah-rumah ibadat ini tidak dapat dipisahkan dengan Menteri-menteri Agama, kerana peranan dan tanggungjawab mereka sebahagian besar di tempat-tempat ini. Pada akhir abad ke-19 memang terdapat Menteri-menteri Agama yang mempunyai balai ibadat sendiri, khususnya di Bandar Brunei sekitar Kampung Air. Menteri-menteri Agama menyampaikan ajaran agama di balai ini, di samping di masjid dan di surau. Balai juga memainkan peranan sebagai tempat anak-anak buah kampung berkumpul bagi mengadakan majlis keagamaan,

terutama majlis bertadurus di bulan Ramadhan (Abdul Latif Haji Ibrahim, 1982:82-85). Balai sebagai institusi pendidikan dan penyebaran Islam adalah suatu keunikan bagi Kampung Air di Brunei, kerana institusi ini memang tidak wujud di perkampungan di sebelah darat. Menteri-menteri Agama yang mempunyai balai ialah Khatib Abdul Razak (1879-1939), yang mempunyai balai berdekatan rumahnya di Kampong Burung Pingai, dan Khatib Muhammad yang lahir tahun 1860-an, memiliki balai di Kampong Lorong Sikuna (Simat Angas, Suhaili Haji Hassan & Haji Ismail Ibrahim, 1992:18 dan 21).

Hasil usaha Menteri-menteri Agama dalam menyebarkan agama Islam, maka pengaruh pendidikan agama ini tidak hanya didapati setakat rakyat bawahan bahkan juga berpengaruh hingga ke atas pembesar-pembesar Brunei. Pengaruh Islam kepada Sultan boleh dikesan menerusi nama-nama Sultan yang mempunyai unsur-unsur Islam, teks ciri gelaran biarpun masih ada pengaruh India tetapi cuba diimbangi dengan pengaruh Islam oleh Sultan dengan memasukkan doa dan ayat-ayat Al-Qur'an. Begitu juga dalam surat-surat Sultan, terdapat ayat-ayat Al-Qur'an dan penggunaan tarikh-tarikh tahun Hijrah. Ini menunjukkan pendidikan Islam itu memang wujud pada kurun ke-19.

Pengaruh Islam ke atas pembesar Brunei boleh dilihat melalui *Shaer Rakis* karangan Pengiran Syahbandar Md Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda (1983:56-97). Beliau boleh dikatakan mewakili pembesar Brunei dari golongan Ceteria yang menjiwai Islam. Dalam syair ini jelas pengarangnya bukan saja mempunyai daya kreatif dan nilai kesusasteraan yang tinggi, bahkan beliau merupakan seorang yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, justeru dalam puisi ini pengaruh dan unsur-unsur Islam begitu ketara dan menonjol. Dalam syair ini juga jelas menggambarkan kematangan berfikir dan memandang jauh ke depan beliau tentang senario politik dan pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei pada ketika itu dan juga akan datang.

Peranan penyebaran agama Islam tidak hanya dilakukan oleh Menteri-menteri Agama, bahkan ia juga dilakukan oleh wakil-wakil kerajaan di wilayah-wilayah dalam empayar Brunei pada abad ke-19. Imam Maulana, seorang wakil Kerajaan Brunei yang tinggal di Kampong Kabung di kuala Sungai Kalaka Sarawak yang mempunyai kira-kira 600 orang penduduk, beliau dilaporkan telah membeli suku kaum Seru dan Bukitan yang dijual oleh orang-orang Iban sebagai hamba. Ini mencerminkan beliau adalah golongan berada dan mempunyai sumber ekonomi yang kukuh. Puak-puak Seru dan

Bukitan yang menjadi hamba kepada Imam Maulana ini kemudiannya memeluk agama Islam atas dakwah dan bimbingan beliau. Mereka telah menjadi pengikut kepada Imam ini dan seterusnya diserapkan ke dalam masyarakat Melayu. Hal yang sama juga dilakukan oleh Laksamana Amir, wakil kerajaan di Paku dalam jajahan Saribas. Dengan cara ini Islam telah tersebar di kalangan suku kaum Seru dan Bukitan yang mengalami tekanan dan serangan daripada puak-puak Iban yang bersifat agresif (menurut Hugh Low, 1848:123-124 dan 351-353, Imam Maulana ini telah meninggal dunia pada bulan Mei 1847; lihat juga Sandin, 1848:78-77 dan 80).

Di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin, Khatib Haji Abdul Latif telah dilantik selaku juru runding dalam pembelian rumah wakaf di Mekah ketika beliau mengerjakan ibadat haji pada tahun 1805. Rumah ini dikhaskan untuk jemaah haji Brunei menginap. Dengan lantikan ini ternyata beliau adalah seorang yang berkebolehan dalam bertutur Bahasa Arab. Jika beliau tidak mahir dalam bahasa tersebut tidak mungkin Sultan melantiknya sebagai wakil kerajaan untuk berunding dengan Kerajaan Arab di Mekah. Semasa membeli rumah tersebut, kebolehan dalam berbahasa Arab ini diperlukan bagi membolehkan rundingan berjalan dengan lancar.

Keperluan rumah wakaf bagi jemaah haji Brunei ini ada kemungkinan telah disedari oleh Sultan Muhammad Tajuddin, bagaimana kesulitan yang dihadapi oleh jemaah haji Brunei semasa berada di tanah suci Mekah untuk mendapatkan tempat tinggal yang selesa. Kerumitan ini timbul ekoran dari setiap kali musim haji, Kota Mekah dibanjiri oleh jutaan umat Islam. Kesukaran ini sudah tentu diketahui menerusi laporan yang dibuat oleh Menteri-menteri Agama Brunei. Ini adalah salah satu tugas mereka untuk menghadapi sebarang masalah kepada kerajaan pusat Kesultanan Melayu Brunei dalam hal-hal pentadbiran agama seperti rukun haji ini. Ini menggambarkan tanggungjawab mereka selaku Menteri Agama tidak terbatas dalam hal agama dalam negeri sahaja bahkan juga melibatkan hal-hal keagamaan di luar negeri, khususnya di Mekah. Kewujudan rumah wakaf untuk jemaah haji Brunei ini boleh dianggap sebagai simbol pemedulian yang berkebajikan oleh kesultanan kepada rakyatnya ketika mengerjakan Rukun Islam ini. Ianya juga sebagai sumbangan dalam perkembangan Islam di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajuddin (Sweeney ed., 1968b:70).

Sebagai golongan intelektual agama, adakalanya tugas Menteri Agama ini tidak cuma terbatas kepada hal-hal pentadbiran agama,

bahkan ada yang terlibat dengan hal-hal politik dan keselamatan negara. Pada tahun 1878, Datuk Ahmad,¹⁵ seorang kadi di kerajaan pusat, telah diperintahkan oleh Sultan Abdul Momin untuk memberikan taklimat dan nasihat kepada 5 orang ketua-ketua Padas Besar mengenai cara-cara mengatasi kekacauan yang dilakukan oleh sekumpulan puak Murut di sana (Watson, 1984:118). Beliau juga pada tahun 1884 telah turut serta dalam rundingan dengan Sultan Abdul Momin mengenai tindakan tidak bermoral Charles Brooke merampas Limbang dari tangan Brunei. Dalam rundingan ini Sultan dengan tegas menyatakan pendirian baginda bahawa Limbang tidak akan diserahkan kepada Sarawak. Apabila mendengar pendirian Sultan ini, Datuk Ahmad merasa terharu lantas menitikkan air mata (Watson, 1984:131). Mungkin beliau begitu terlalu pilu mengenangkan keadaan nasib dan masa depan politik Kesultanan Melayu Brunei yang ketika itu dalam suasana yang tidak menentu, lebih-lebih lagi dalam menangani isu Limbang yang berada diambang bahaya.

RUMUSAN

Dengan pembentukan institusi Wazir, Ceteria dan Menteri oleh kerajaan, ini menunjukkan bahawa struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei pada abad ke-19 telah diatur dan dirancang dengan kemas. Kewujudan ini boleh dikatakan sebagai satu kesinambungan dari apa yang telah berlaku sebelumnya. Hal ini jelas apabila didapati tidak ada perubahan drastik ke atas struktur pentadbirannya. Dalam pelantikan institusi Wazir dan Ceteria, syaratnya tetap sama, iaitu peringkat ini mestilah dianggotai oleh golongan diraja terdekat atau dari kalangan kaum kerabat Sultan. Manakala institusi Menteri, anggotanya dilantik di kalangan rakyat bukan dari golongan Pengiran yang mempunyai kelebihan dalam ciri kepimpinan dan mempunyai pengaruh yang besar ke atas masyarakatnya. Setiap institusi mempunyai peranan dan kuasa elite masing-masing dengan Sultan

¹⁵Datuk Ahmad bin Haji Abdul Latif, seorang pendakwah yang berasal dari Banjarmasin. Beliau telah datang ke Brunei semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin dan tinggal di Kampong Burung Pingai. Sultan melantik beliau sebagai Pegawai Perkembangan Agama Islam di Brunei. Oleh kerana ketokohan beliau dalam bidang agama, maka Sultan berkenan untuk mengurniakan gelaran Datuk Seri Maharaja, salah satu jawatan penting dalam Menteri Agama. Tetapi pengurniaan ini ditolak, beliau hanya bersedia untuk menjadi Kadi. Sebagai seorang tokoh agama, beliau mempunyai ramai pelajar yang datang dari penduduk Kampong Air, bukan sahaja dari kampung beliau sendiri bahkan juga dari lain-lain kampung, seperti Kampong Buang Tekuruk dan Kampong Lorong Dalam. Lihat Simat Angas, Suhaili Haji Hassan & Haji Ismail Ibrahim (1992:15-16); dan Hajah Jorah Haji Metali (1998:62-64).

selaku kuasa tertinggi. Kuasa elite mereka ini diselaraskan dengan status masing-masing dan berdasarkan arahan dari pihak atasan dari masa ke semasa. Peranan mereka tidak hanya terhad kepada isu-isu politik bahkan juga melibatkan aspek ekonomi, sosial, kebajikan rakyat, keagamaan dan adat istiadat.

Pengiran Temenggung sebagai kumpulan peringkat Ceteria, tidak cuma berperanan menjaga keamanan negara dari serangan musuh, bahkan juga terlibat dalam mengawasi Menteri-menteri Agama. Beliau dan Pengiran Syahbandar juga bertanggungjawab menjaga kebajikan anak-anak yatim. Begitu juga peringkat Menteri, mereka mempunyai tugas tertentu. Menteri Agama dalam peringkat ini tidak hanya berperanan menyebarkan Islam, bahkan juga berkhidmat untuk menjaga kebajikan jemaah haji Brunei, apabila ia ditugaskan untuk merundingkan pembinaan rumah wakaf di Kota Suci Mekah. Struktur yang demikianlah yang membolehkan jentera pentadbiran kerajaan dilaksanakan dengan licin hingga keamanan dan kesejahteraan rakyat dapat dijaga. Semua ini pada akhirnya menyumbang kepada kestabilan politik, sosial dan ekonomi kepada Kesultanan Melayu Brunei. Hal ini berlaku kerana adanya kerjasama erat yang dihulurkan oleh golongan Wazir dan Ceteria selaku pegawai-pegawai tinggi kerajaan dalam membantu Sultan mentadbir negara.

Pentadbiran negara semakin bertambah baik apabila institusi Wazir, Ceteria dan Menteri ini dianggotai oleh orang-orang yang berkarisma dan berwibawa dalam kepimpinan negara. Di samping itu mereka juga perlu mempunyai pengaruh yang kuat ke atas masyarakatnya, sehingga mereka dihormati dan dipandang mulia. Kesan dari kemunculan institusi Wazir, Ceteria dan Menteri selaku kumpulan pembesar negara, mereka ini – termasuk Sultan – merupakan golongan pemerintah dan rakyat jelata sebagai golongan yang diperintah dalam susun lapis masyarakat Brunei abad ke-19. Struktur pentadbiran yang dicipta dan diatur sedemikian rupa, bukan saja mampu mengangkat dan menyumbang kepada citra ketinggian tamadun Kesultanan Melayu Brunei, tetapi juga kepada tamadun Melayu keseluruhannya. Justeru kesultanan ini adalah salah satu warga kesultanan yang lahir dan wujud dalam dunia Melayu. Struktur pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei terus berada dalam keadaan mantap. Ia hanya berhadapan dengan cabaran ketara sebaik-baik saja Inggeris datang ke atas wilayah kekuasaannya.

Bibliografi

- Abdul Latif Haji Ibrahim. (1982). "Peranan Rumah-rumah Perkumpulan dalam Masyarakat Melayu Brunei" dalam *Ikhtisar Budaya*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Belcher, Edward. (1851). *Narrative of the Voyage of H.M.S. Samarang during the Years 1843-46: Employed Surveying the Island of the Eateran Archipelago*, Vol.I. London: Reeve.
- Blair, Emma Helen & James Alexander Robertson [eds.]. (t.t.). *The Philippine Islands, 1493-1803*, Vol. IV.
- Brown, D.E. (1969). "Hugh Low on the History of Brunei" dalam *Brunei Museum Journal*, Vol.I, No.1.
- Brown, D.E. (1970). *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*. Brunei: The Brunei Museum Brunei, Monograph of the Brunei Museum Journal, Vol.II, No.2.
- Brown, D.E. (1974). "Sultan Mumin's Will and Related Documents" dalam *Brunei Museum Journal*, Vol.III, No.2.
- Butterworth, J.W., the Governor of Prince of Wales Island & C., to the Secretary to the Government of India, Singapore: 14 September 1844, *Additional Papers Respecting the Operations Against the Pirates on the North West Coast of Borneo*. Presented to both Houses of Parliament by Command of Her Majesty, 1851, Paper No.29, London: Printed by Harrison and Sons.
- Carroll, John S. (1982). "Brunei in the Boxer Codex" dalam *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.LV, Pt.2.
- Dzulfawati Haji Hassan. (1998). *Etnografi Sejarah Sosio-Budaya Melanau: Hubungannya dengan Era Brunei*. Brunei: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Monograf Akademi Pengajian Brunei Bil.1/98 September.
- Hajah Jariah Haji Metali. (1998). "Dato Haji Ahmad" dalam *Pusaka*. Berita Jabatan Pusat Sejarah Brunei, Bil.1.
- Haji Awg Asbol bin Haji Mail. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Brunei: Pusat Sejarah.
- Irwin, Graham. (1986). *Borneo Abad ke Sembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keppel, Henry. (1846). *The Expedition to Borneo of H.M.S Dido for the Suppression of Piracy with Extracts form the Journal of James Brooke E.S.Q of Sarawak*, Vol.I. London: Chapman & Hall, 186 Strand, Second Editions in two volumes.
- Leyden. (1816-1817). "Sketch of Borneo" dalam *Asiatic Journal*, Vol.II, No.3, XI-XIV.
- Leys, Peter. (1968). "Observations on the Brunei Political System, 1883-1885" dalam *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Vol.XLI, Pt.2.
- Low, Hugh. (1848). *Sarawak: Its Inhabitants and Productions, Being Notes During a Residen in that Country with His Excellency Mr.Brooke*. London: Frank Cass & Co.
- Low, Hugh. (1880). "Selesilah (Book of Descent) of the Rajas of Bruni" dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.V. Singapore: June.
- McArthur, M.S.H. (1987). *Report on Brunei in 1904: M.S.H McArthur*. Ohio: The Center for International Studies, Ohio University.

- Mills, L.A. (1960). "Raja Brooke of Sarawak and the Suppression of Piracy in Brunei" dalam *Royal Asiatic Society*, Vol.XXXIII, Pt. 3, No.191.
- Mohd Raus Haji Mohd Amin. (1953). "Hikayat Negeri Brunei" dalam *Salam*. Brunei: 15 Oktober.
- Mohd Raus Haji Mohd Amin. (1953). "Hikayat Negeri Brunei" dalam *Salam*. Brunei: 22 Oktober.
- Mohd Raus Haji Mohd Amin. (1955). "Hikayat Negeri Brunei" dalam *Salam*. Brunei: 10 September.
- Mohd Raus Haji Mohd Amin. (1955). "Hikayat Negeri Brunei" dalam *Salam*. Brunei: 17 September.
- Mundy, Rodney. (1848a). *Narrative of Events in Borneo and Celebes Down to the Occupation of Labuan from the Journals of James Brooke ESQ Rajah of Sarawak and Governor of Labuan*, Vol.I. London: John Murray, Albermarle Street.
- Mundy, Rodney. (1848b). *Narrative of Events in Borneo and Celebes down to the Occupation of Labuan from the Journals of James Brooke ESQ Rajah of Sarawak and Governor of Labuan*, Vol.II. London: John Murray, Albemarle Street.
- Nicholl, Robert. (1989). "Some Problems in Brunei Chronology" dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol.XX, No.2.
- North Borneo Herald: Official Gazette*, Vol.II, No.5 [1 November 1884].
- Pehin Haji Mohd Jamil Al Sufri. (1973). *Catatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, Bil.2. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pehin Haji Mohd Jamil Al Sufri. (1990). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Brunei: Jabatan Pusat Sejarah.
- Pehin Haji Mohd Jamil Al Sufri. (1996). *Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Pusat Sejarah.
- Pengiran Syahbandar Md Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda, *Shaer Rakis*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983
- P.M. Yusuf. (1958). *Adat Istiadat Diraja Brunei*. Brunei: t.pt. [Mac].
- P.M. Yusuf. (1975). "Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam" dalam *Brunei Museum Journal*, Vol.III, No.3.
- Reece, Robert. (1983). "Political Pioneers" dalam *Our Sarawak*. Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak.
- Sabihah Osman. (1985). *Pentadbiran Bumiputera Sabah, 1881-1941*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Haji Hakip. (1995). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sandin, Benedict. (1848). *The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah Rule*. London: Mac Millan, Frank Cass & Co.
- Sanib Said. (1985). *Malay Politics in Sarawak, 1946-1966 : The Search for Unity and Political Ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Saunders, Graham. (1994). *A History of Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Simat Angas, Suhaili Haji Hassan & Haji Ismail Ibrahim. (1992). *Tokoh-tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*. Brunei: Jabatan Muzium.
- Singh, Ranjit D.S. (1991). *Brunei, 1839-1983: The Problems of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press, reprinted.
- Singh, Saran. (1980). "The Coinage of the Sultanate of Brunei, 1400-1980" dalam *Brunei Museum Journal*, Vol.IV, No.4.

- Siti Zaliha Abu Salim. (1992). "Sistem Kehakiman Brunei dan Perbandingannya dengan Sistem Kehakiman Islam". *Tesis Tidak Diterbitkan*. Bangi: Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- St. John, Spenser. (1974a). *Life in the Forests of the Far East*, Vol.I. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- St. John, Spenser. (1974b). *Life in the Forests of the Far East*, Vol.II. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sweeney, P.L. Amin [ed.]. (1968a). "Silsilah Raja-raja Berunai: Teks A" dalam *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Vol.XLI, Pt.2.
- Sweeney, P.L. Amin [ed.]. (1968b). "Silsilah Raja-raja Berunai: Teks B" dalam *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Vol.XLI, Pt.2.
- Tarling, Nicholas. (1971). *Britain, the Brooke and Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Templer, John C. [ed.]. (1853). *The Private Letters of Sir James Brooke, Rajah of Sarawak Narrating the Events of His Life from 1838 to the Present Times*, Vol.III. London: Richard Bentley.
- Watson, A.C. (1984). "Letters from Brunei Inche Mahomed's Consular Reports, 1866-1890" dalam *Brunei Museum Journal*, Vol.V, No.4.

CO (Colonial Office) dan FO (Foreign Office):

- "Acting Consul General Treacher to Earl Granville, Brunei: 19 March 1885" dalam C.O., 144/60.
- "Borneo", *Vide Asiatic Journal*, 1825, dalam C.O., 144/1.
- "Brooke to Wise, 14 July 1844" dalam F.O., 12/2.
- "Captain Rodney Mundy, 21 January 1847" dalam F.O., 12/5.
- "Consul General Leys to Earl Granville, Labuan: 5 May 1883" dalam F.O., 12/29.
- "Consul General Leys to Foreign Office, Labuan: 14 December 1885" dalam C.O., 144/59.
- "Consul General Leys to the Marquis of Salisbury, Labuan: 9 March 1887" dalam C.O., 144/59.
- "Deposition of Sir James Brooke taken upon oath before the Reid Francis Thomas Mac Dougall and Arthur Crookshauk Esquire, Commissioners Appointed to take Evidence in the Petition of Arthur Farquhar Esquire, Commander of Her Majestys' Sloop albatross in the Court of Indicature of Prince of Wales, Singapore and Malacca: 25 September 1849" dalam F.O., 12/10.
- "Edward Belcher, the Letter Sultan of Borneo to Her Majesty the Queen, 10 November 1844" dalam F.O., 12/3.
- "From Pengiran Anak Mumin to Lieutenant Goo cruor Scott, 20 Safar 1269 H/2 December 1852 M" dalam F.O., 12/14.
- "G. Hewett to Marquess of Lansdowne, Confidential No.4, Borneo: 10 March 1902" dalam F.O., 12/120.
- "Grant of Territory of Sipitang - Kuala Penyu, 5 November 1884" dalam C.O., 874/54.
- "Great Britian Foreign Office General Correspondence - Under Captain Page Narrative of the Distruction of the Sultana and Capitivity Crew in Borneo Proper, 1842" dalam F.O., 12/1.

- "High Highness Sultan Abdul Momin of Brunei to His Excellency C.C. Leys, Governor of Labuan and Consul General for Borneo, Brunei: 2 Rabiulakhir 1298 H/3 March 1881 M" dalam *F.O.*, 12/120.
- James Brooke. *A Vindication of the Character and Proceedings in Reply to the Statements Privately Printed and Circulated by Joseph Hume, Esq, M.P. Addressed to Henry Drummond Esq M.P.* London: James Ridgway, 169, Piccadilly, 1853, dalam *F.O.*, 12/13.
- James Brooke. *Letters from Borneo with Notices of the Country and its Inhabitants*. London: L and G Seeley 169, Fleet Street, 1842, dalam *F.O.*, 12/1.
- "James Brooke to Henry Wise, Sarawak: 31 August 1846" dalam *F.O.*, 12/15.
- "James Brooke to Wise, Labuan: 31 Oktober 1844" dalam *F.O.*, 12/2.
- "James Brooke, Memorandum, Singapore: 31 March 1845" dalam *F.O.*, 12/3.
- "McArthur to Sir John Anderson, High Commissioner Confidential, No.10, 27 May 1904" dalam *F.O.*, 12/126.
- "Rear Admiral Sir Thomas Cochrane to the Secretary of the Admiralty, 9 July 1846" dalam *F.O.*, 12/4.
- "Rear Admiral Sir Thomas Cochrane to the Secretary of the Admiralty, 29 July 1846" dalam *F.O.*, 12/4.
- "Sultan Omar Ali Saifuddin II and Pengiran Muda Hashim to James Brooke, Brunei: 6 March 1845" dalam *F.O.*, 12/3.
- "The Late Sultan of Brunei to Governor Sir C. Lees, Rabiulakhir 1298 H (1881 M)" dalam *C.O.*, 144/76.
- "Treacher to Alfred Dent, 18 November 1881, Governor's Despatch, 54/1881" dalam *C.O.*, 874/228.
- "Treacher to Foreign Office, 17 January 1885" dalam *C.O.*, 144/59.